



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
NIK MAHADI NIK HASSAN
KETUA PENYIARAN TV AL-HIJRAH KELANTAN

OLEH:

HASRUL BAZLI BIN BAKAR	2014266862
MUHAMAD HASNAN FITRI BIN MUHAMAD HANAPI	2014475082

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2015 – JAN 2016)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
NIK MAHADI NIK HASSAN
KETUA PENYIARAN TV AL HIJRAH KELANTAN

OLEH:

HASRUL BAZLI BIN BAKAR	2014266862
MUHAMAD HASNAN FITRI BIN MUHAMAD HANAPI	2014475082

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2015 – JAN 2016)

TEMUBUAL LISAN BERSAMA NIK MAHADI NIK HASSAN

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t...

Pertama-tama, kami berterima kasih kehadrat Illahi Allah SWT kerana telah memberi kekuatan dan peluang kepada kumpulan kami dalam menyelesaikan tugas mengikut waktu yang telah ditetapkan. Terima kasih juga yang tidak terhingga kehadrat Illahi kerana memberi kesihatan untuk menyelesaikan tugas ini. Setelah kerjasam antara ahli kumpulan, kami dapat menyelesaikan tugas.

Selain itu,kami terima kasih juga kepada pensyarah yang yang telah membimbing kami, Puan NurulAnnisa Binti Abdullah atas segala tunjuk ajar dan panduan untuk menyelesaikan tugas. Tanpa bantuan beliau, kami tidak dapat menyelesaikan tugas mengikut kriteria yang dingini.

Tambahan lagi, setinggi-tinggi terima kasih kepada keluarga yang memberi bantuan kewangan dan rakan-rakan lain yang turut membantu kumpulan kami bagi menyelesaikan tugas ini. Kami juga ingin berterima kasih kepada pihak Perpustakaan Tengku Anis (UiTM) kerana telah membantu untukmencari sumber-sumber di dalam portal yang berkaitan dengan tajuktugas kami.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tokoh yang telah kami temubual iaitu Nik Mahadi Nik Hassan sebagai Ketua Penyiaran TV Al Hijrah Kelantan kerana telah memberi kerjasama kepada kami dalam menyiapkan tugas ini.

Kami berharap tugas yang disediakan telah memenuhi kriteria yang diperlukan.

Sekian terima kasih.

TEMUBUAL LISAN BERSAMA NIK MAHADI NIK HASSAN

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara pelajar dan bersama tokoh “Nik Mahadi Nik Hassan” selaku bekas Ketua Penyiaran TV3 dan Ketua Penyiaran TV Al Hijrah sehingga sekarang untuk mengetahui sedikit sebanyak mengenai latar belakang beliau. Beliau adalah seorang wartawan yang mempunyai banyak pengalaman pahit dan manis beliau ketika berada di zaman pendidikan. Berdasarkan pengalaman dan liku kehidupan beliau sebagai seorang wartawan yang disegani masyarakat, beliau telah banyak menimba ilmu pengetahuan tentang kewartawan di Indonesia sebelum kembali ke Tanah Air untuk mencurahkan bakti beliau kepada masyarakat. Beliau telah berkongsi banyak ilmu untuk menjadikan setiap maklumat-maklumat mengenai isu semasa dapat dipaparkan kepada masyarakat di Malaysia. Beliau turut mengingati supaya masyarakat menghargai setiap berita yang dipaparkan di kaca televisyen dan di dada-dada akhbar setiap hari.*

Kata kunci: *wartawan, journalist, pengalaman wartawan, buletin utama, tv3, tv alhijrah*

TEMUBUAL LISAN BERSAMA NIK MAHADI NIK HASSAN

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	i
ABSTRAK	iii
ISI KANDUNGAN	v
BIODATA TOKOH.....	8
PENGENALAN	11
TRANSKRIP.....	15
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH	17
BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH.....	19
BAHAGIAN 3: KERJAYA SEBAGAI WARTAWAN	27
BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA SEBAGAI WARTAWAN	41
BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN	49
BAHAGIAN 6 :SUMBANGAN	50
BAHAGIAN 7: HARAPAN	52
RUJUKAN	54
LAMPIRAN	56
LOG WAWANCARA.....	57
BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG TOKOH	57
BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH.....	58
BAHAGIAN 3: KERJAYA TOKOH.....	60
BAHAGIAN 4: PENGALAMAN TOKOH.....	63
BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN TOKOH	65
BAHAGIAN 6: SUMBANGAN TOKOH	66
BAHAGIAN 7:HARAPAN TOKOH	66

TEMUBUAL LISAN BERSAMA NIK MAHADI NIK HASSAN

DIARI KAJIAN	67
SENARAI SOALAN.....	69
SURAT PERJANJIAN.....	76
GAMBAR	77
SIJIL PENGHARGAAN 1	81
INDEK.....	82

TEMUBUAL LISAN BERSAMA NIK MAHADI NIK HASSAN

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



NIK MAHADI NIK HASSAN, di telontar dan di telantarkan di bumi Rantau Panjang pada 26 Mac 1961. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang dan melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Sultan Ismail, Kota Bharu pada tahun 1974. Pada tahun 1979 beliau telah mendudukin peperiksaan MCE di Sultan Ismail Collage (SIC) dan kemudian melanjutkan pelajaran ke YS-ITM, Kota Kinabalu, Sabah.

Selepas itu berpindah ke ITM Shah Alam mengambil kursus Diploma in Business Studies. Pada tahun 1985 melanjutkan pelajaran ke Universitas Darma Agung Medan, Sumatera Utara, Indonesia, Disember 1987 sehingga April 1988, membuat latihan praktikal di akhbar WASPADA dan merupakan pelajar Malaysia yang pertama diberi peluang menimba pengalaman sebagai kadet journalist diakhbar berkenaan.

Pada tahun 1988 beliau telah mendapat Diploma in Journalism kemudian pulang ke tanah air berkhidmat dengan akhbar WATAN kemudian akhbar Berita Harian yang berpengkalan di Kota Bharu, Kelantan. Pada tahun 1991 beliau menyertai sector perkhidmatan awam sebagai Penolong Pegawai Perhubungan Awam di Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, PKINK sehingga tahun 1995.

Pada tahun 1996 beliau menyertai Sistem Televisyen Malaysia, TV3 sebagai wartawan jaringan (Broadcast Journalist) dibawah Department News and Current Affair. Dibawah Pengurusan, Pengarah Operasi Berita TV3, Datuk Chamil Wariya pada tahun 1999, beliau meletakkan jawatan sebagai wartawan jaringan dan dilantik menjadi wakil TV3 di Kelantan sehingga 2012.

Pada tahun 1999, majalah Who is Who International yang berpengkalan di New York telah menghantar surat dan memilih beliau sebagai golongan professional yang banyak berkhidmat dan berjas kepada masyarakat. Didalam bidang penulisan beliau telah menulis didalam bidang satera, budaya dan politik termasuk di akhbar Berita Harian, Utusan Malaysia, Watan, majalah Al-Islam, Peristiwa. Manakala di Indonesia beliau pernah menulis di akhbar Mimbar Umum, Waspada, Tempo dan majalah Wanita.

“kini haiwan berkaki dua dan mempunyai satu alat kelamin”
istilah M. A. Brower, berbangsa Belanda, yang sempat mengajar di Universitas Padjajaran Bandung, masih belum ouas mencarigali ilmu. Kini Nik Mahadi Nik Hassan menyambung pelajaran dalam MBA di Universiti Malaysia Kelantan, (UMK), Pengkalan Chepa.

TEMUBUAL LISAN BERSAMA NIK MAHADI NIK HASSAN

PENGENALAN

PENGENALAN

Transkrip wawancara bersam Nik Mahadi bin Nik Hassan atau lebih dikenali sebagai Nik Mahadi atau Marah Mahadi Hassan iaitu nama panel yang digunakan dida-dada akhbar. Wawancara ini telah dijalankan pada 23 November 2015 di rumah beliau yang terletak di alamat 1118 Kampung Desa Harapan Mukim Belukar, 18500 Machang, Kelantan. Tujuan utama temubual ini adalah untuk megetahui mengenai latar belakang dan pengalaman beliau dalam bidang kewartawanan.

Transkrip wawancara ini dijalankan selama satu jam empat puluh lima minit. Penumpuan temubual ini lebih menjurus kepada kerjaya beliau dalam bidang penyiaran iaitu kewartawanan. Walaupun usia telah mencecah 54 tahun, namun beliau masih aktif dalam dunia kewartawanan sehingga ke hari ini.

Nik Mahadi bin Nik Hassan atau lebih dikenali sebagai Nik Mahadi merupakan seorang insan yang luar biasa dan hebat sejarahnya dalam bidang kewartawanan, walaupun beliau mempunyai pengalaman yang sangat berliku semasa zaman persekolahan. Beliau bukan seorang warawan yang tersohor, kerana pada pengalaman beliau hanya golongan yang pernah mendapat liputan dari beliau sahaja yang mengenali beliau. Beliau merupakan bekas wartawan TV3 yang telah berkhidmat selama sepuluh tahun dan telah berpindah ke Penyiaran TV Al Hijrah sehingga sekarang.

Selain dari bidang kewartawanan, Nik Mahadi bin Nik Hassan juga aktif dalam bidang penulisan seperti buku falsafah, artikel dan jurnal. “Seniman Kita Semakin Berkurangan” adalah artikel pertama yang telah dikeluarkan oleh beliau semasa berjinak-jinak menjadi seorang wartawan. Antara senarai buku-buku yang telah beliau karang adalah seperti, Anak Manusia, Sastra Kita Masih Ingusan, Filem Melayu Dalam Dilemma dan Pengkritik Harus Tegas dan Berani.

Nik Mahadi bin Nik Hassan telah menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang. Apabila tamat sekolah rendah beliau kemudian menyambung pelajaran ke Sekolah Menengah Sultan Ismail atau lebih dikenali sebagai Sultan Ismail College (SIC) yang merupakan sebuah sekolah kluster yang terletak di Jalan Telipot, Maktab Sultan Ismail ditubuhkan sebagai Ismail English School (IES) pada tahun 5 Januari 1936 bersempena nama DYMM Sultan Ismail Ibni Al Marhum Sultan Muhammad IV yang memerintah pada masa itu. Pada tahun 1979, beliau telah menduduki peperiksaan MCE (Malaysian Certificate Education) dan beliau merupakan kumpulan pelajar terakhir yang menduduki MCE selepas itu dihapuskan dan digantikan dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Setelah tamat persekolahan, beliau telah berhijrah ke Sabah, Negeri Di Bawah Bayu untuk menyambung di YS-ITM, Kota Kinabalu, Sabah. Setelah beberapa tahun berada di Kota Kinabalu, Sabah beliau telah berpindah ke ITM Shah Alam yang kini dikenali sebagai UiTM (Universiti Teknologi MARA) dalam jurusan Diploma Pengurusan Perniagaan. Setelah satu semester belajar di ITM, beliau telah dibuang kerana telah mendapat keputusan peperiksaan yang kurang memberangsangkan.

Akibat dibuang dari ITM, beliau telah menyambung pelajaran beliau di Universitas Darma Agung Medan, Sumatera Utara, Indonesia dalam jurusan Diploma in Journalism. Apabila menamatkan pelajaran, beliau telah menjalani Latihan Industri sebagai seorang waratawan di WASPADA Press dan beliau merupakan pelajar pertama yang diberi kepercayaan untuk menjadi Cadet Journalist in WASPADA Press. Pada awal tahun 1988, beliau telah pulang ke kampong halaman dengan segulung Diploma in Journalism dan telah berkhidmat bersama WATAN Press dan kemudian bersama penyiaran Berita Harian.

Beliau mula meminati untuk menjadi seorang waratawan adalah dari nasihat rakan sekampung beliau yang bernama Tuafiq Mubarak yang juga merupakan seorang wartawan yang belajar di Indonesia. Kerana mempunyai sikap pantang di cabar, beliau

telah bertekad untuk menjadi salah seorang warawan yang disegani masyarakat. Bermula dari saat itu, beliau telah banyak menghabiskan masa dengan membaca akhbar dan menulis beberapa banyak artikel berdasarkan maklumat yang beliau telah dapat melalui aktiviti membaca. Setelah berjaya menjadi seorang wartawan yang mempunyai prinsip tersendiri iaitu “**saya akan cuba sedaya yang mungkin**” beliau telah dilantik menjadi Ketua Penyiaran Berita bersama TV3 dan sekarang bersama TV Al Hijrah yang juga menjadi Ketua Penyiaran Berita. Dengan menjadi Ketua Penyiaran Berita, beliau telah banyak mencurah bakti kepada masyarakat dengan menyiaran berita-berita tentang masyarakat pendalam dan turut menyiaran berita tentang masalah di negara berlainan seperti kemalangan bom di Selatan Thailand pada tahun 2014.

Insan yang bersemangat tinggi ini bukan berkongsi maklumat kepada golongan masyarakat ini bukan sahaja menyampaikan maklumat melalui buku-buku yang beliau telah coretan sahaja, malahan beliau juga sedia menerima pelajar-pelajar yang ingin menceburi bidang kewartawanan ini dengan mengadakan kelas dan latihan industri untuk beliau berkongsi maklumat yang berkaitan. Bagi Nik Mahadi bin Nik Hassan, setiap maklumat yang beliau peroleh dari orang ramai hendaklah dikongsi dengan masyarakat kerana hanya dengan maklumatlah masyarakat akan bertambah maju ke hadapan.

Kepimpinan Nik Mahadi bin Nik Hassan dalam bidang kewartawanan sudah pasti teruji dengan pelbagai cabaran. Berkat dari jas-jasa yang telah beliau taburi dalam bidang kewartawanan ini, beberapa anugerah telah diterima oleh beliau. Antara anugerah dan pingat yang telah beliau perolehi ialah anugerah dari International Magazine of America iaitu sijil WHO IS WHO yang mana di Malaysia belum pernah diterima oleh sesiapa terutama wartawan. Pada tahun 2013 beliau telah menerima anugerah The Most Sporting Journalist dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kerana sikap berani dan peramah beliau sebagai seorang warawan yang tidak pernah membezakan jurang antara beliau dengan masyarakat. Sesungguhnya, segala pengorbanan yang beliau lakukan berbaloi dengan adanya anugerah seperti berikut dan ianya sangat bernilai bagi beliau.

TEMUBUAL LISAN BERSAMA NIK MAHADI NIK HASSAN

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang latar belakang Nik Mahadi Nik Hassan sebagai bekas wartawan TV3 dan Ketua Penyiaran TV Al Hijrah. Rakaman ini juga berkisahkan tentang pengalaman Nik Mahadi Nik Hassan dalam bidang pendidikan dari bangku sekolah tentang liku-liku kehidupan beliau sebelum di angkat sebagai wartawan contoh kepada semua waratawan baharu. Rakaman ini juga berkisahkan tentang pengalaman beliau sebagai wartawan sejak tahun Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

NMNH: Nik Mahadi Nik Hassan

HB: Hasrul Bazli Bin Bakar

MH: Muhamad Hasnan Bin Muhamad Hanapi

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

MH : Bolehkah Encik ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang encik seperti nama, umur dan tempat tinggal?

NMNH : Saya dilahirkan di Jajahan Pasir Mas, Bole Town Bandar Sempadan, umur saya lima puluh empat [54] tahun, dan saya menetap di Machang. Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang, Kelantan. Pada tahun sembilan belas tujuh puluh tiga [1973] saya mengambil peperiksaan penilaian darjah lima [5]. So [Jadi] saya mendapat tiga (3) A dua (2) B. Mata pelajaran yang mendapat A, Bahasa Malaysia, Sains, dan Bahasa Inggeris. Mata pelajaran B, Sejarah, dulu dikenali sebagai Tawarih dengan Geografi, dan Matematik saya dapat B. Saya mendapat tawaran belajar di Sekolah Menengah Sultan Ismail di Kota Kharu pada tahun Sembilan Belas Tujuh Puluh Empat [1974], dalam special [istimewa] lima [5] class [kelas], kelas peralihan khas, saya belajar sehingga tingkatan tiga. Tingkatan empat saya meneruskan pengajian ke Maktab Sultan Ismail College. Pada tahun sembilan belas tujuh puluh sembilan [1979] saya menduduki peperiksaan MCE [Malaysian Certificate Education] dan saya merupakan batch [kumpulan] terakhir yang menduduki MCE selepas itu dihapuskan dan digantikan dengan Sijil Pelajaran Malaysia [SPM]. Nama bapa saya meninggal lima belas [15] tahun lampau, Ibu, Hajah masih di Rantau Panjang. Saya mempunyai 8 adik beradik dari satu ibu campur ibu dua dan ibu tiga, enam belas [16] orang adik beradik, ayah saya mempunyai tiga [3] orang isteri. Saya anak yang ke lima dari keluarga. Saya mendirikan rumah tangga pada tahun sembilan belas sembilan puluh (1990), pada 11 januari 1990, dan sekarang sudah hampir dua puluh lima

[25] tahun, dan isteri saya bernama sekarang mengajar di Sekolah Hamzah 2, Machang. Saya mempunyai tujuh [7] orang anak, lima [5] lelaki dan dua [2] perempuan. Anak saya yang pertama bernama Nik Mohd Ashraf, lulusan daripada Universiti KL [Universiti Kuala Lumpur] dalam bidang automotif, Diploma Automotif sekarang bekerja di Kota Bharu, agen KIA. Anak saya yang kedua Nik Mohd Azuan, *Diploma in Business Management* [Diploma Pengurusan Perniagaan] daripada Kolej Politek Mara [College Polytech Mara]. Sekarang bekerja di Machang, restoran *Kentucky Fried Chiken* [KFC]. Anak saya yang ketiga di UNITEN [Universiti Teknologi], universiti teknologi blako [semua], tahun semester tiga nama dia Nik Mohd Ashraf dalam Jurusan *Electrical Engineering* [Juru Elektrik]. Anak saya yang keempat Nik Mohd Alif, belajar di UiTM [Universiti Teknologi MARA], UiTM Melaka dalam jurusan Mass Communication, semester dua. Anak saya yang kelima perempuan belajar di sekolah berasrama penuh di Sekolah Menengah Kajang, baru tingkatan empat. Anak saya yang keenam Mik Mohd Hasif sekarang belajar di Sekolah Tahfiz Pulai Condong, tingkatan satu. Anak saya yang ke tujuh, anak bongsu, Nik Intan Jasmin belajar di Sekolah Kebangsaan Belukar, darjah lima sekarang.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH

NMNH : Saya belajar di Sekolah Mactab Sultan Ismail di Kota Bharu sampai tingkatan tiga pada tahun sembilan belas sembilan puluh tujuh [1997]. Pada tahun sembilan puluh lapan [98] dan sembilan puluh sembilan [99], saya ke Mactab Sultan Ismail dan menduduki MCE [Malaysian Certificate Education]. Selepas MCE, saya meneruskan pengajian saya ke YS-ITM, di Kota Kinabalu. Pada tahun sembilan belas lapan puluh tujuh [1987], saya buat kursus *Pre-Commerce* [Pra Diploma] in selepas satu semester di sabah saya mintak berpindah balik ke Shah Alam minta kos Diploma in Business Studies, satu semester di sana saya di berhentikan kerana *pointer* [keputusan] saya 1.68 CGPA, saya *dismiss* [di buang]. Dan pada waktu itu satu dugaan cabaran hidup yang paling pahit dalam hidup saya, saya pergi ke Singapura, kerja sebagai buruh kontrak selama tiga bulan. So [Jadi] semasa saya bekerja di sana gaji saya 16 ya [enam belas ringgit] sari [sehari] Singapore [Singapura], kalu buat overtime [lebih masa] dapat 32 ringgit singapore, so pada waktu itu saya benar-benar memahami *what is life* [apa itu kehidupan], *what is a real life* [apa itu kehidupan sebenar]. Sebelum ini saya dapat biasiswa tok tahu mano [entah kemana]. So [Jadi] bekerja sebagai buruh kontrak, kawan-kawan saya sek-sek jual ike [golongan penjual ikan], *jual gapo* [golongan peniaga], sek-sek ore [orang] panggil *enjin air* [kerja makan gaji]. *Education jah nam* [sekolah sampai darjah enam], tingkatan tiga, *tidur cekung-cekung* [kuat tidur] dan pada waktu itu saya bekerja dengan buruh daripada Thailand. Puak-puak siye kijo ni kijo kuat peluh [buruh siam kuat bekerja sehingga berpeluh-peluh]. Masa tu tokey [tauke] saya bagi nasi bukus suruh make [makan] nasi. Masa tu saya *tiyok* [menangis] *make* [makan] nasi, air mata jatuh dale [dalam] nasi. *Tokkey* [takkan] saya nak duk singapura sokmo [selalu], so [jadi] saya *promise* [berjanji] pada diri

saya, saya akan tebus balik kegagalan saya. Saya akan terus belajar. *So* [jadi] selepas tiga bulan di sana saya balik kampung, *duk* [tinggal] di rumah saya jadi cikgu [seorang guru], cikgu *ore* [orang] panggil Yayasan Kelantan. Elaun dia bagi *200 ya* [dua ratus ringgit] sebulan dan prospek kita bila jadi cikgu situ sementara, dia akan kursus lepas tu dia akan *confirm* [mengesahkan] jadi guru. Saya *ngajar* [mengajar] Bahasa Inggeris darjah satu sapa [sehingga] darjah enam di Sekolah Banggol Kulim Rantau Panjang. Saya, *is not content with my life* [tak berpuas hati dalam hidup], tak puas dengan kehidupan saya. Cikgu *is not my line* [guru bukan cita-cita saya], *teaching is not my line* [mengajar bukan kehendak saya]. Saya berhenti. Saya *dey kijo* [sempat bekerja] sebulan atau dua bulan, elau *200 ya* [dua ratus ringgit] gaji. Saya pun bekerja sebagai Pegawai Perhubungan Awam, forwarding agent import export [agen penghantaran import dan export] hok pokdar [kepunyaan bapa saudara] saya. Import export ni kito *deal* [perjajian] barang-barang *hok nok* [yang nak] masuk, dia kena isi borang. Borang tu saya buat, kita buat lah, *check* [semak] barang, semak dengan kastam *gapo* [apa] kita buat buatlah. Saya kijo selama tiga tahun, saya *still* [masih] *tok* [belum] puas dengan kehidupan saya. *So* [jadi], tahun sembilan belas lapan puluh tiga [1983] saya ambil peperiksaan STP [Sijil Tinggi Penilaian Malaysia], *private* [persendirian]. Ore [orang] lain ambil STP duduk upper six lower six [Enam atas, Enam rendah], saya buat sebulan di rumah sewa Pasir Mas, *jupo* [jumpa] *nga* [dengan] umi saya nak baca *gapo* [apa] saya tanya dia, hah baca tu baca ni baca smace [selalu]. Ore [orang] lain buat dua tahun saya buat sebulan. Nok [nak] berak [buang air besar] pun baca lagi *duk dale jambe* [di dalam bilik air]. Saya *bulih* [mendapat] satu *principle* [prinsip] kertas am [Prngajian AM], BM [Bahasa Melayu] saya buleh [dapat] sub-six . Tahun lapan puluh empat [84], saya ambil periksa 1 principle [prinsip] BM [Bahasa Melayu] dengan kertas AM [Pengajian AM] 2 *principle* [prinsip] tanpa masuk kelas. Tahun lapan puluh lima

[85], saya pergi ke Indonesia buat diploma *Journalism* [Journalis]. Pagi bangun sendiri, ayah saya hantar 250 ya [dua ratus lima puluh ringgit] sebulan, selama tiga tahun di sana saya dapat diploma pada tahun sembilan belas lapan puluh lapan [1988], saya balik ayah saya tunjuk *mung abih* [kamu habis] sepuluh ribu ringgit [10000] belanja tiga tahun. Masa di Medan saya buat latihan praktikal dengan akhbar terbesar di Sumatra Indonesia akhbar WASPADA, nama akhbar tu WASPADA. Dia macam ni bila tahun akhir saya kena buat latihan praktikal saya pun pergi ke akhbar WASPADA saya tunjuk surat saya buat permohonan, so [jadi] surat saya ditolak oleh *director* [pengarah] mentah-mentah, dia kata *ngak ada polisi* [tiada polisi], tak ada dasar, bukan polisi akhbar buat latihan praktikal pada mahasiswa *local* [tempatan], bangsa Indonesia atau bangsa asing. Tak dok [tak ada] polisi, akhbar tu tak pernah buat. Bukan dasar, bukan polisi dia so [jadi] dia tolak permohonan saya. Saya pun kata awak ni *director* [pengarah] *bengong* [tak betul] *kalu* [kalau], tak kenal saya. Saya pun balik rumah saya tulis salinan kepada duta besar Malaysia Indonesia saya pun cop. Saya *tak ata gapo-gapo pom* [hantar apa-apa pun]. So [jadi] esok saya *gi* [pergi] pula, dia pun kata *lol* [eh] kamu lagi, *lol* [eh] kenapa harus hantar ke *dubes bakpo* *kena hantar ke duta* [mengapa harus di hantar ke duta] *pah tu* [selepas itu] mesyuarat la pok dio [mereka], sebab saya comfirm dey bulih [pasti akan dapat]. Sebab dia *tokleh* [tak boleh] tolak permohonan saya. Sebab hubungan berita antara Malaysia dengan Indonesia. Dia pun *tubik* [keluar] anda di terima. So [jadi] saya empat bulan bekerja di akhbar *sakni* [tadi] sebagai desk journalis, saya pun campur *nga* [dengan] wartawan dia. So [jadi] tugas saya dua minggu di bilik berita hiburan, dua minggu di *crime* [jenayah], desk jenayah. Dua minggu di desk sukan, statement artis *apo* [apa], berita ni dia banyak *major* [bahagian teras], *crime desk* [bahagian jenayah], *sport desk* [bahagian sukan], *news desk* [bahagian berita], *foreign desk* [bahagian rakyat]. Pah tu saya, sebab saya *bulih* [boleh] berbahasa

Inggeris *key* [kan], dia letak saya di foreign desk. *Major loni* [keutamaan] saya baca sakobar [surat khabar] *dale* [dalam] Bahasa Inggeris saya *translate* [terjemah] *dale* [dalam] bahasa Melayu, publish *dale* [dalam] bahasa Indonesia. Jadi anehnya, tidak pernah *dale* [dalam] sejarah penerbitan akhbar tu ada pelajar Malaysia buat latihan praktikal, dan saya merupakan pelajar pertama dan sampai saat ni *is a record* [satu rekod], buat rekod sampai sekarang, jadi lecturer [pensyarah] saya Dongseng dia panggil dia baca akhbar WASPADA tu dia baca nama saya by line [garis] lol [eh] kamu *bisa* [boleh] menulis dalam bahasa Indonesia, *gimana sih* [bagaimana]. Pelik la *dionyo* [dianya] *ore* [orang] Malaysia *nulis* [menulis] sakobar [akhbar] *dale* [dalam] bahasa Indonesia. Umpama *ore* [orang] Malaysia mari Indonesia *nulis* [menulis] *dale* [dalam] bahasa Indonesia, mano *bulih* [boleh] bahasa *tok serupa* [tak sama]. Saya bulih nulis [boleh menulis], sebab saya baca banyak, saya baca *lape je sari* [lapan jam sehari]. Indonesia dari segi *journalism* [jurnalisme] dia maju dari kita, *population* [populasi] dia banyak, ramai *population* [populasi] dia. Di medan sajo [saja] pada tahun sembilan belas lapan puluh lima [1985] ada tujuh belas [17] akhbar kalu [kalau] awak gi [pergi] awak jadi bengong [tak betul] tak tahu nak baca sakobar [surat khabar] mana, kalu awak gi [pergi] Bandung ada Jakarta Post, awak gi [pergi] Padang ada National Newspaper. Awak gi [pergi] di Bali ada Jauh Post. Dia bukan macam Malaysia, Malaysia negara kecil. Jadi sejarah *journalism* [jurnalisme] di Indonesia dia awal dari kita.

MH

Apakah kesukaran yang Encik hadapi semasa belajar di Universiti?

NMNH

: Sebab kita belajar sebagai *private* [persendirian] *student* [pelajar] dua ratus lima puluh [250] [ya] ringgit bersamaan seratus enam puluh ribu [160000] rupiah gaji *lecturer* [pensyarah] di sana lima ratus [500] ya

[ringgit] jah [sahaja] sebulan, jadi saya dua ratus lima puluh [250] ya [ringgit] tu separuh gaji *lecturer* [pensyarah] dah sebulan. Takkam nak banding dengan pelajar Indonesia hok dapat biasiswa empat ratus lima puluh [450] ya [ringgit] sebulan, *diorang* [mereka] mewah la pakai motor saya tak pakai motor. Tapi sebab kos kursus saya sebagai *journalism* [jurnalisme] saya pernah *interview* [temubual] *student* [pelajar] main [masuk] dale *sakobar* [dalam akhbar] saya tulis lawatan, saya tunjuk gambar jadi gambar *tubik dale sakobar* [keluar dalam akhbar] jadi budak [mereka] suka gambar *tubik dale sakobar* [keluar dalam akhbar] ramai ore [orang] kenal. Pada tahun sembilan belas lapan puluh lima [1985] saya bertanding timbalan presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia di Indonesia cawangan Medan so [jadi] saya menang saya boleh jadi timbalan presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia cawangan Medan [PKPMI]. Pada tahun tu PKPMI telah tertubuh selama tujuh belas [17] tahun, so [jadi] di Indonesia pada waktu itu telah ada sembilan [9] tempat pelajar Malaysia belajar di Sumatera, di Medan, di Aceh, di Padang Sumatera Barat, Pulau Jawa , Jakarta, Jogja [Jogjakarta], Bandung, Bali, Surabaya.. berapa dah lapan.. err [sedang berfikir] Bogor. Pada waktu tu Kalimantan di Padang baru nak mitak [mohon] jadi ahli, di Pekan baru nak jadi tak jadi lagi. Sekarang di Pekan, baru ada dah pelajar Malaysia, so [jadi] sewaktu saya pegang jawatan timbalan presiden di Medan waktu itu ada pelajar dua ratus lima puluh [250] orang belajar di Institut Agama Islam negeri, di IKIP Perguruan, puak-puak cikgu di Universiti Sumatera Utara. Saya belajar di Universiti Darma Agung is a private [ialah universiti swasta] universiti yuran setahun lima ratus [500] ya [ringgit], tiga ratus ribu [300 000] rupiah *is the largest* [yang terbesar], universiti terbesar swasta. Jadi *lecturer* [pensyarah] saya, *lecturer* [pensyarah] daripada Universiti Sumatera Utara, di sana *lecturer* [pensyarah] *bebas ngajar* [mengajar], jadi ilmu, walaupun nilai diploma saya tak di iktiraf, tapi ilmu serupa *jah* [sahaja] dengan Sumatra Utara. Di

Indonesia setiap tahun dia ada kongres, kongres Persatuan Pelajar-pelajar Malaysia di Indonesia. Jadi setiap wakil cabang dia dah ada wakil, Medan dua *ore* [orang] dia hantar, Aceh dua *ore* [orang], *Jogja* [Jogjakarta], Jakarta semua di *paid* [bayar] di bayar oleh Malaysia Department JPMI, Jabatan Penuntut Malaysia Indonesia. So [jadi] bila saya pegang jawatan timbalan presiden saya *check* [semak] *file file* [fail-fail] dulu, *files* [fail] lama tiap-tiap tahun *diorang* [mereka] pergi naik pesawat naik kapal terbang balik kapal terbang, kalu dua orang pergi masa tu tambang dua ratus lima puluh ribu [250000] rupiah, dua *ore* [orang] *je gi* [sahaja pergi], masa saya pegang, saya tengok *kalu* [kalau] *gi nga* [pergi dengan] kapal laut tambang lima puluh [50] *ya* [ringgit], tiga uluh ribu [30 000] rupiah kita *buleh* [boleh] *gi* [pergi] ramai. Saya buat sejarah dari Medan dua belas [12] *orang gi* [pergi] naik kapal, suka belayar. Tiga [3] hari dua [2] malam lima puluh [50] *ya* [ringgit] jah tambang tukar rupiah tiga puluh ribu [30] 000. Masa tu [itu] saya *gi* [pergi] dengan satu misi saya nak ambil pusat di Persatuan Kemanusiaan Kesatuan Malaysia Indonesia, ada sembilan [9] cabang setiap tahun dia ganti pusat. Pusat ini atas presiden setiausaha agung, bawah dia ada lapan [8] biro, biro pendidikan, biro ekonomi, biro kesenian, *mace-mace* [macam-macam] biro. Pusat tu [itu] dia akan bergilir kawasan Pulau Jawa *jah* [sahaja]. Biasa Jakarta pege [pegang], lepas Jakarta, *Jogja* [Jogjakarta], lepas *Jogja* [Jogjakarta], Bandung, dia *duk* [asyik] gilir *puak-puak* [golongan] *dia jah* [sahaja]. Sebelum saya pegang tu saya nak buat balik pusat tu balik ke Medan. Tujuh belas [17] tahun penubuhan persatuan *duk* [asyik] *main* [bergilir] Pulau Jawa *jah*. Sebelum ni saya ada lobi [kawan] di Aceh, Aceh ni orang Kelantan kumpulan SATA. Saya *gi* [pergi] dengan YDP [Yang Dipertua] Bali presiden Bali, jadi saya berucap semasa kongres isu ni mendapat bantahan ramai orang tak setuju tak pernah ada dalam sejarah perpindahan pusat dari Pulau Jawa ke Sumatera, saya kata tak ada dalam perlembagaan, dia pun kata keupayaan *leadership* [pepimpinan],

keupayaan pemimpin di mana orang Sumatera ni tak leh [boleh] jadi pemimpin. Saya kata tak bui [bagi] ore [orang] tak tahu, saya pun bawa usul suruh pecah kena *tubik* [keluar] malas jadi persatuan. Kena tubuh Sumatera Utara, jadi isu saya bawak ni sensitif berita tok bui [tak bagi]. Macam mana nak membentuk pelajar kalau ada persatuan Pulau Jawa dan Sumatera Utara. Dia pun *break down* [berehat], berehat bermesyuarat. Lepas tu dia suruh tanding, saya kata tanding la. *Meme* [memang] saya nak tanding pun. Saya suruh anak buah saya tanding nama dia Dr. Hasani sekarang ni dia ketua pemuda UMNO Johor, dia buat sejarah Sumatera Utara. *Meney* [menang], saya tanding sebagai setiausaha agung, *so* [jadi], saya setia usaha agung persatuan. *So* [jadi], pertama kali kita *ata* [hantar] surat masa tu perdana menteri pelajaran Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim, dia balas surat saya untuk buat *appointment* [temu janji] bersama *student* [pelajar] Malaysia di Indonesia. Saya tak gi jumpa dia sebab kita balik dari biro tata negara untuk *mitak* [minta] *contributions* [sumbangan] balik dari kuala lumpur ke Medan ada surat dari Datuk Seri Anwar Ibrahim. Pada waktu itu seminar tidak dapat dibuat kerana Jakarta mengadakan *Pilihan Raya Umum* [PRU] pada tahun sembilan belas lapan puluh tujuh [1987], duta meminta saya untuk mengubah tarikh demi keselamatan pelajar. Saya tak dengar arahan dari duta sebab kita telah cetak majalah. Lepas tu tak jadi buat, masalah di Jakarta pula dia ada biro pendidikan, Jakarta pula dia ada kabinet, presiden dan timbalan presiden. Biro saya ni tak belaga angin dengan presiden Jakarta. Presiden saya tamat belajar jadi balik ke Malaysia. Jadi saya kata kita buat surat la, sekali lagi saya cipta sejarah, saya buat mesyuarat di Pulau Bali dan para pelajar di jemput hadir. Pengarah NST marah saya kenapa buat mesyuarat di Pulau Bali biasa buat di Jakarta. Jadi tak boleh buat apa-apa sebab saya presiden tetapi bendahari tak setuju untuk keluarkan duit persatuan tapi terpaksa sebab saya presiden persatuan sekaligus sebagai timbalan setiausaha agung. Dan sejarah hak saya buat sebelum *ni* [ini] *the letter*

head [tajuk surat] hanya dalam bahasa Melayu iaitu Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia Indonesia dalam bahasa Inggeris iaitu The National Student Association Malaysian Indonesia.

MH : Apakah rahsia kejayaan Encik dalam bidang akademik sehingga mencapai ke tahap yang membanggakan?

NMNH : Tak ada rahsia. Yang harus ada *power* [kuasa] semangat yang kuat. Untuk melakukan apa jua harus ada semangat.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: KERJAYA SEBAGAI WARTAWAN

MH : **Bolehkah Encik Mahadi menceritakan kerjaya lain sebelum menceburι bidang penyiaran?**

NMNH : Saya pernah menjadi buruh kontrak, pernah menjadi guru, pernah menjadi pegawai PRU di syarikat import dan eksport di Rantau Panjang dan menjadi wartawan.

MH : **Bilakah Encik mahadi mula meminati bidang kewartawanan ini?**

NMNH : Sebenarnya...pada tahun sembilan belas lapan puluh satu [1981]. Sewaktu saya berkerja sebagai pegawai import dan export, *pete-pete* [petang] selepas balik rumah di Rantau Panjang, *member* [kawan] ni dia jual kain sepanjang di SIC dahulu, *lepas padō to saya lepok keda dialah isap rokok* [berbual-bual di kedai dia] dia pernah belajar di Indonesia buat kursus wartawan nama dia Taufiq Mubarak dan sekarang ada lagi duk *tani* [Pattani] duk buat *business* [berniaga]. Dia tanya saya, kamu nak jadi penulis? tak pandai menulis. Dia pun tunjuk keratan akhbar, nama (Taufiq Mubarak) pada *bar line* [baris pertama]. Boleh saya nak jadi penulis, tapi awak kena *royak* [beritahu] caranya, boleh saya jadi penulis tapi *keno royak caro-caro dio* [kena beritahu cara-caranya]. Dia pun *royak sayo nok jadi penulis nie gano* [dia pun beritahu saya nak jadi penulis ini macamana] satu perlu menguasai bahasa akhbar, *hok nie awok keno tuli, hok nie mustohok nie* [maklumat ini awak perlu tulis keran ianya mustahak] perlu menguasai bahasa akhbar. *news paper language* [bahasa akhbar]. Bahasa akhbar ni *simple language* [bahasa]

mudah] *budok jah ne baco pehe* [murid darjah enam baca faham], *budok kakte limo baco pehe* [murid tingkatan lima baca faham], *budok universiti baco pehe* [pelajar universiti baca faham], *lecturer baco pehe dok* [pensyarah baca pun faham kan], *simple language* [bahasa mudah] jadi untuk menulis akhbar, awak kena menguasai bahasa akhbar. *so* [jadi] menguasai bahasa akhbar, saya perlu *go through the process* [lakukan satu proses] penulisan. Saya kena *tulis balik* [menulis kembali] rencana pengarang selama seratus hari. *dale* [dalam] surat khabar Berita Harian dia ada rencana kan awak tulis, esok awak tulis pulak, lusa awak tulis pulak sampai seratus [100] hari. Kalau awak tulis rencana pengarang, *seje setengoh ado* [kalau awak sendiri yang tulis rencana ini, lebih kurang sejam setengah], saya tanya *bakpo* [kenapa] buat *lagu* [seperti] ini saya kata. Dia kata supaya dalam mas satu hari itu bahasa pengarang masuk dalam tubuh saya. *kalu malah tulis, keno baco limo kali* [baca satu naskah akhbar dari muka surat hadapan sehingga muka surat akhir selama lima [5] hari berturut-turut]. Saya kata tulis la *malah baco sapa limo kali* [malas baca sampai lima kali]. Jadi dalam proses satu hari itu dia *royak* [cakap] baca surat khabar *kalu* [kalau] ada isu *gapo* [apa-apa] buat surat pembaca kan tulis *payback* [halaman belakang], saya tulis, keluar nama saya surat pembaca bawah kan, salah siapa, *kito* [saya] pun suka. Selepas satu hari saya buat artikel empat atau tiga kali, “Seniman Kita Serba Kekurangan” 26 [dua puluh enam] Mac 1985 [sembilan belas lapan puluh lima] kalau tak silap saya, keluar seribu patah perkataan Wancana, Marah Mahadi Hassan oleh Marah Mahadi Hassan, name panel saya guna nama Marah Mahadi Hassan sebelum pakai Nik Mahadi. Saya pun *isap okok, bisa* *aku nulis* [menghisap rokok, hebat aku menulis] [berangan] satu Malaysia baca, itu memberi pertolongan besar kepada saya. *so* [jadi], selepas saya ambil STP, saya Indonesia buat kursus wartawan.

HB : **Jadi, Encik Mahadi menceburi bidang kewartawanan ini diatas pesanan dan dorongan sahabat Encik Mahadi?**

NMNH : Ya, *dia bagi jale saya* [dialah yang memberi dorongan].

MH : **Apakah cabang bidang Encik Mahadi dalam bidang kewartawanan?**

NMNH : Saya fokus pada *news writing* [penulisan] iaitu membuat berita.

MH : **Dalam banyak-banyak kerjaya, mengapa Encik Mahadi memilih bidang kewartawanan?**

NMNH : *payoh* [susah] soalan awak ni saya nak jawab, sebab saya dimaklumkan oleh sahabat saya bidang wartawan ini adalah *profession* [berada di tangga]. *profession* [kerjaya] wartawan ni *ranking* [tangga] nombor empat dalam dunia. Ada banyak, doktor, arkitek. Wartawan nombor empat *professional job* [kerjaya besar]. Jadi wartawan ni sedap boleh *jupo oghe to, boleh jupo oghe ni, mace-mace lah* [boleh berjumpa ramai orang, dan sebaginya]. Selepas itu saya pergi Indonesia, kita pergi dengan sendikit, agensi, bayar sebanyak *tigo ratuh ya, limo ratuh ya dop* [bayar lebih kurang RM300-RM500] dia akan cari universiti. Saya nak pergi di Bandung, di Panjajaran. Sampai disana di Medan “*x dop*” [tiada] kursus. Saya boleh jadi cikgu, kalau saya nak jadi cikgu saya kena belajar tahun [85] saya boleh belajar di Institusi Agama Islam Negeri di Medan, buat kursus tarbiah *mace bini saya*

[seperti isteri]. Saya boleh jadi cikgu tapi, *erh aku mari ni buke nok jadi cikgu tapi nok jadi wartawan* [saya mari bukan nak jadi guru tapi nak jadi wartawan]. Jadi *takdop* [tiada] pilihan saya kena belajar di swastalah sebab nak masuk universiti swasta tu lewat, saya masuk Universiti Setia Agung, selama semester lima, saya *transfer* [telah berpindah] masuk di Kolej Komunikasi, dapat Diploma in Journalism pada tahun sembilan belas lapan puluh lapan. Sebab saya tak nak masuk Institusi Agama Islam Negeri itu sebab kena pakai songkok, kena pakai *long stitch* [pakaian formal]. Di universiti ini lain, *rambut putar* [rambut tidak kemas] tak boleh rambut panjang, saya rambut *panje* [panjang] nak tunjuk *debe* [ganas]

- MH : Apakah sebab yang mendorong Encik Mahadi untuk terus di dalam bidang kewartawanan?
- NMNH : Saya membuat pilihan menjadi wartawan, saya nak *royak* [ceritakan] masa-masa luka masa-masa pedih. Bila saya *grade* [tamat belajar] sekitar tahun sembilan belas lapan puluh lapan, saya balik Malaysia dan masa itu *takdop* [tiada] Berita Harian, *tok buke* [tiada yang dibina] masalah ekonomi *terseksa* [meleset] saya rasa. Ekonomi kan, masalah nak bangunkan, masalah ekonomi meleset *takdop* [tiada] peluang. Saya terpaksa berkerja dengan Watan sebagai pemberita sambilan di Watan. Nak makan nasi tengah hari *tokleh make nasi* [tak boleh makan nasi] sebab dulu *takdop duit* [tiada duit], *make nasi go duo pesen* [makan nasi harga dua puluh sen], *jale kaki* [berjalan kaki] *takdop keto* [tiada kereta]. Tapi disebabkan saya *gila* [terlampau minat] nak jadi seorang wartawan kan, saya *jale kaki* [berjalan kaki] dari Kota Bharu ke Kubang Kerian *saya jale kaki jah male-male* [saya hanya berjalan kaki setiap malam].
- MH : Siapakah yang banyak mendorong Encik Mahadi dalam bidang

kewartawanan?

NMNH : Diri saya sendiri. *takdop oghe lain* [tiada sesiapa pun] *kes saya gila* [bersemangat tinggi].

MH : Bilakah Encik Mahadi mula bergiat aktif dalam bidang kewartawanan?

NMNH : Sejak saya menceburi? Sejak saya *start* [mula] berkerja, kerja dengan Watan pada tahun sembilan belas lapan puluh lapan Watan di Kelantan lah. Wartawan sambilan *dia* [gelaran] panggil. Pendapatan kita bergantung kepada berapa berita yang kita buat, *bolehlah pak ratuh limo ratuh* [lebih kurang RM400-RM500] pada waktu itu *boleh make lah* [bolehlah untuk makan].

MH : Dimanakah Encik Mahadi mula berkhidmat sebagai wartawan?

NMNH : Di Kota Bharu, iaitu syarikat Watan di bawah Karang Kraf Negeri Kelantan.

MH : Berapa lamakah Encik Mahadi telah berkhidmat di syarikat tersebut?

NMNH : Di Karang Kraf selama *ne bule* [enam bulan] [6] sembilan belas lapan puluh lapan [1988] selama enam [6] bulan, sembilan belas lapan puluh lapan [1988] hingga sembilan belas sembilan puluh satu [1991] saya *join*

[berpindah] di Berita Harian di Kota Bharu, Raja Zainal Abidin ketika itu *sapa* [hingga] tahun sembilan belas sembilan puluh satu [1991]. Sembilan belas sembilan puluh dua [1992] *sapa* [hingga] sembilan belas sembilan puluh lima [1995] saya berkerja di Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) sebagai jawatan pembantu penyiaran [bunyi telefon]. TNN [Television News Network], TNN ni anak syarikat kepada TV3, dipanggil *subsidiary* [anak syarikat] selama setahun.

MH : Bagaimanakah Encik Mahadi boleh terlibat menjadi wartawan?

NMNH : Selepas bersama Television News Network pada tahun berapa dah? saya pun *join* [berpindah] ke TV3. Daripada anak syarikat itu dia ambil, jadi sekarang [bunyi telefon] TNN *takdop* [tiada] dah dalam TV3. Sembilan belas sembilan puluh tujuh [1997] sampai tahun dua ribu sepuluh [2000], sampai tahun itu saya di TV3 Kelanatanlah. Berita-berita *hok* [yang] awak tengok itu sampai tahun dua ribu sepuluh [2010]. TV3 Kelantan saya yang buat, kalau awak tanya berapa ribu *story* [berita] saya tak tahu berapa *story* [berita] tiap hari.

MH : Apakah perasaan Encik Mahadi ketika berkhidamat sebagai wartawan TV3?

NMNH : Suka, *happy* [amat gembira], [senyum]. *in term* [maksudnya] sebab ibarat di negeri Kelantan ini saya menteri besar, *in term of* [maksudnya] menteri besar ini dalam media bukan politik, seba kita *leading* [mengetuai] kan. *oghe tengok TV3 blako kan* [semua orang tonton TV3 ketika itu]

MH : Pada pendapat Encik Mahadi, apakah peranan seorang wartawan kepada masyarakat?

NMNH : Banyak peranan wartawan kepada masyarakat, bagi saya, wartawan sebenarnya mewakili suara resah masyarakat, wartawan sebenarnya mewakili suara resah masyarakat, masalah masyarakat itu masalah wartawan, apa jua masalah mayarakat maslah wartawan. Itu adalah wartawan yang baik dan dia kena berinteraksi dengan semua golongan masyarakat wartawan ini, sumber berita kita boleh ambil dari masyarakat. Kalau dia cuba berada jauh dari masyarakat kan, *golongan elit* [masyarakat pendalaman] kita tidak akan tahu masalah. Macam saya, *keda ike pun kenal saya* [orang yang berada di pasar-pasar] dia kata *TV3 terr* [panggil saya]. Dia akan rasa bangga sebab boleh *saeng* [berkawan] dengan wartawan.

HB : Mungkinkah pada pendapat Encik Mahadi, wartawan ini adalah satu perantaraan kepada masyarakat?

NMNH : Ya, betul.

MH : Apakah pendapat Encik Mahadi terhadap perkembangan bidang kewartawanan ini kepada masyarakat?

NMNH : Sebenarnya masyarakat sekarang telah *well educated* [masyarakat kita sudah maju] berbanding dahulu kan. Selepas muncul media sosial pulak, masudnya “*di kedai-kedai kopi*” [dimana sahaja] nk pakai *hok* [yang] media sosial

dalam Internet dan Blog. Kadang-kadang dahulu media sosial rakyat percaya dapat *informasi* [maklumat-maklumat], tetapi *lonie* [sekarang] orang salah guna *manipulate* [putar belit] fakta kadang-kadang benda *hok* [yang] tak beto, pun dia *karha* [putar belit maklumat] juga dalam kata lain *bengong* [orang yang bersikap bodoh] [ketawa]. Jadi kredibiliti media sosial pada pandangan saya sudah menurun berbanding sepuluh tahun dulu, sebab budak bijak dia boleh fikir sendiri, banyak benda yang tak betol guna media sosial ni.

HB : Adakah pada pendapat Encik Mahadi dengan menggunakan media sosial ini akan menimbulkan kesan buruk kepada masyarakat?

NMNH : *kade-kade* [kadang-kadang], saya boleh jawab samada secara *yes* [ya] or [atau] *no* [tidak]. *kade-kade* [kadang-kadang], betol juga. *kade-kade* [kadang-kadang], tak betol *dop* [kan] [ketawa].

MH : Apakah strategi yang Encik Mahadi gunakan untuk menyampaikan sesuatu berita?

NMNH : Kita *go to assignment on news value* [buat berdasarkan nilai berita]. *news value* [nilai berita], *kalu* [kalau] nilai berita itu tinggi, saya buatlah. Bergantung kepada jenis situasi, bergantung kepada nilai berita. Pada umumnya *Political Story* [cerita politik] ini boleh *membunuhan* [menghapuskan] sepuluh *story* [berita] lain. *so* [jadi] politik ini menjadi *priorities* [keutamaan]. *mace* [sebagai] contoh, *kalu* [jika] biasa berlaku *excident* [kemalangan] yang *sore*, *duo oghe* [bilangan kecil] mati itu *tok*

besar [berita biasa], manakala *kalu* [jika] sepuluh orang mati baru besar.

MH : Pada pendapat Encik Mahadi, apakah kesan sekiranya masyarakat menolak bidang kewartawanan?

NMNH : Masyarakat menolak bidang kewartawanan? Maksudnya menolak media? kita kembali ke *zaman batu* [masyarakat tidak tahu maklumat]. [ketawa]

HB : Maksud Encik Mahadi? Boleh terangkan sedikit?

NMNH : Maksudnya saya bila dia tolak media, *tok cayo kepada media* [fikir media tidak penting] dia *tok tahu gapo satu* [tidak tahu apa-apa]. Informasi terbaru pun tak tahu.

MH : Apakah pendekatan yang Encik Mahadi gunakan untuk membuatkan masyarakat mengetahui sesuatu berita?

NMNH : Saya punya wartawan, iaitu seoarang wartawan ni mudah, dia kena berinteraksi dengan masyarakat. Dia tak boleh ada jarak dengan masyarakat. dan pandai berinteraksi dengan golongan masyarakat. Dia kena *saem* [berkawan] semua *driver* [pemandu] lori, *driver* [pemandu] teksi, penarik beca, petani, bruruh *apo sumo* [sebagainya] baru boleh tahu masalah. *kalu* [ika] dia ada *gape* [pemisah] kan, dia tak tahu. Sebagai contoh, saya pernah *ambil* [memberi tumpang] satu orang tua kan, pengalaman saya *ambil* [memberi tumpang] satu orang tua, bagi *tupe* [tumpang] kereta saya. Dia pun

tanya saya, *kijow mano dik* [awak berkerja dimana], saya *kato kijow TV3* [saya berkerja di TV3]. *lamo doh pok cik* [dah lama pak cik]. [nada tinggi] nak TV3. *kejut garrr* [saya amat terkejut]. [ketawa]. Saya *kato, bakpo pok cik* [saya tanya kenapa pak cik]. Anak saudara *ambo* [saya] ni, *omor setahun* [berumur setahun] cacat *lonie* [sekarang] umur dua puluh tahun *mace* [seperti] *bate pise* [sebatang pokok pisang]. *mung gi masuk ambek dale TV* [pergi rakam dan ambil gambar biar boleh ditunjukkan di dalam berita], masuk TV3 dia kata. Dia ni *oghe* [orang] kampung, dia *excited* [teruja] gembira boleh jumpa dengan saya *nok royak* [saya nak beritahu] masalah dia. Saya *gi situ* [pergi] ambil gambar, tengok *meme anok daro dio mace bate pise, cacat* [memang betol anak saudara dia cacat] di Kampung Besut, Kampung Raja di Batu tiga puluh. Keluar *dale* [dalam] Buletin Utama, *oghe* [orang] hantar sumbangan, beribu dia boleh *check* [sumbangan melaui check deposit]. Sumber tu daripada *oghe* [orang] kampung. *kalu* [kalau] saya tak ambil dia saya tak tolong kan mana saya tahu *benda-benda gitu* [perkara berkenaan].

- MH : Apakah revolusi pembawaan berita yang tidak tepat dalam bidang kewartawanan ini?
- NMNH : Masyarakat akan jadi *bengong* [keliru], Masyarakat akan jadi *confuse* [keliru], tak tahu mana berita *betol* [tepat] atau berita *take betol* [yang salah], “*pahto dia ake jadi bengong klu*” [pening kerana banyak maklumat] dan terdedah kepada anasir-ansir negatif lah. Boleh jadi penyokong pembangkang dia kata sebab *don't get the right information* [tidak tahu maklumat yang betol].

- MH : Untuk soalan terakhir, apakah perubahan yang Encik Mahadi akan lakukan dalam bidang kewartawanan ini pada suatu masa nanti?
- NMNH : Untuk menjawab soalan tersebut, saya akan ulang kembali salah satu kenyataan yang telah dinyatakan oleh Tun Dr. Mathathir iaitu “malaysia masih bergantung kepada agensi berita dari luar negara untuk mendapatkan maklumat” ternyata sehingga saat ini kita masih bergantung kepada pertolongan barat untuk mendapatkan maklumat. Antara kesan buruk terhadap kebergantungan kepada agensi berita dari luar negara terutama yang melibatkan masyarakat Agama Islam di luar negara adalah tidak tepat. Sejak negar Malaysia merdeka sehingga sekarang lebih kurang enam puluh [60] tahun, penulis-penulis dan wartawan di Malaysia tidak mempunyai idea bagi mewujudkan revolusi bernilai tinggi untuk masyarakat walaupun mendapat gaji yang tinggi. Sejak sembilan belas lapn puluh lima, saya belajar di Indonesia dalam *Diploma In Journalism* [Diploma Kewartawan] saya telah tertarik pada satu majalah iaitu “Majalah Tempo”. Majalah berkenaan mengandungi ramai golongan-golongan dalam bidang kewartawanan di seluruh dunia. Pada masa yang sama saya telah berazam untuk menerbitkan majalah saya sendiri pada suatu mas nanti. Saya beazam sedemikian kerana saya inginkan majalah saya dapat menjadi perhatian kepada masyarakat yang berbilang kaum di seluruh dunia sekaligus untuk menyahut kata-kata Tun Dr. Mahathir. Untuk pengetahuan kamu, semasa saya berkerja di TV3 ramai pelajar-pelajar datang untuk membuat Latihan Industri (praktikal) dalam bidang keewartawanan bersama saya sehingga sekarang. Sebagai contohnya pada tahun dua ribu, pelajar UiTM seramai lima [5] orang, pelajar UPM tiga [3] orang, pelajar USM dua [2] orang, dan pelajar UniSabah seorang [1]. Pada waktu berkenaan, tiada syarikat penyiaran di Malaysia kecuali TV3 Kelantan yang mengadakan Latihan Industri kepada pelajar-pelajar di Malaysia. Pada tahun dua ribu [2000], saya telah mendapat permit dari

kerajaan negeri Kelantan untuk menerbitkan majalah WASPADA.

MH : Apakah yang di maksudkan dengan WASPADA?

NMNH : WASPADA dan ALPA, jika memilih akhbar waspadalah. Dua makna, makna berhati-hati kata orang putih *beware* [berhati-hati]. Jika memilih akhbar waspadalah, surat khabar dia kan waspadalah [ketawa].

MH : Dimanakah Encik berkerja sekarang?

NMNH : TV Al Hijrah.

MH : Bilakah Encik Mahadi mula bersama TV Al Hijrah?

NMNH : Pada tahun dua ribu sepuluh [2010].

MH : Adakah Encik Mahadi memegang sebarang jawatan penting bersama TV Al Hijrah?

NMNH : Saya ni wakil TV Al Hijrah Kelantan, wakil TV Al Hijrah Kelantan ni maksudnya berita TV Al Hijrah Kelantan ni saya *control* [kawal], banjir *kow gpa o kow* [dan lain-lain berita] di bawah kawalan saya.

MH : Sudah berapa lamakah Encik Mahadi Berkhidmat di TV AlHijrah?

NMNH : Lima [5] tahun.

HB : Bagaimana Encik Mahadi boleh berpindah ke TV ALHijrah?

NMNH : Sebab TV Al Hijrah ni dia, *volume of work* [bilangan kerja-kerja] tak banyak. TV3 ni dia banyak berita, Buletin Utama, Buletin Nightline, Buletin Tengah Hari, Buletin Pagi. Jadi kerja ni banyak, TV Al Hijrah ni ada *male* [malam], *lape nga lape setengoh* [8:00 - 8:30] [pukul lapan malam hingga lapan setengah]. Dia ada pukul dua lima minit, empat lima minit, enam lima minit. Jadi *volume of work* [bilangan kerja-kerja] tak banyak. Saya pun *tuo doh lonie, mulo mudo* [sekarang sudah tua, dahulu muda].

MH : Apakah kepakaran Encik mahadi sehingga dapat memegang jawatan tersebut?

NMNH : “*News Writing*” [pengurusan berita].

MH : Pernahkah Encik Mahadi menerima anugerah diatas kepakaran tersebut?

NMNH : Tahun sembilan belas sembilan puluh enam, Anugerah Wartawan Penyiaran

Terbaik Negeri Kelantan, daripada Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna. Tahun dua ribu tiga belas Anugerah Wartawan daripada pihak UMK, Universiti Malaysia Kelantan bagi, anugerah yang dipanggil “The Most Sporting Journalist”. [ketawa]

MH : Siapakah idola Encik Mahadi dalam bidang kewartawanan ini?

NMNH : [sedang mengingati] Tan Sri Samad Ismail, tokoh Wartawan Malaysia mati dah dia. Tan Sri A. Samad Ismail.

MH : Mengapakah beliau menjadi idola Encik Mahadi?

NMNH : Sebab dia *different* [sangat berbeza]. Dia, saya jumpa dia di Kuala Lumpur sembilan belas lapan puluh sembilan dia pernah, sembilan belas sembilan puluh lima *i'm was in Jakarta* [berada di Jakarta], dia pernah berada, berkerja di Jakarta tahun sembilan belas sembilan puluh lima. Bila saya *kecek* [bercakap] dengan dia, dia tahu saya *grade* [tamat belajar] di Indonesia kan *boleh kecek* [boleh bercakap Indonesia], nampak tak? Dia tahu Indonesia punya *advanced* [bunyi pelat Indonesia]

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA SEBAGAI WARTAWAN

HB : **Pernahkah Encik Mahadi berkhidmat sebagai wartawan di luar negara?**

NMNH : Pernah. Seperti insiden di Ta'bai iaitu lebih seratus [100] orang Islam mati ketika insiden berkenaan.

HB : **Bolehkah Encik Mahadi menceritakan perasaan Encik Mahadi ketika melakukan tugas penyiaran disana?**

NMNH : Ketika itu, Thailand amalkan sistem darurat iaitu perintah berkurung. Sebenarnya Thailand ini adalah sebuah negara yang mangamalkan demokrasi. Askar pula bebas melakukan apa-apa sahaja ketika sistem darurat. Saya masuk ke negara Thailand dengan memakai *vest TV3* [baju TV3] apa sahaja boleh berlaku. Tiada seorang pun wartawan dari Kuala Lumpur yang berani untuk memasuki Thailand ketika insiden berkenaan berlaku kerana takut mengambil risiko yang tinggi. Jadi, banyak peristiwa di Thailand seperti Hari Raya, pengarah yang mengarahkan saya untuk pergi ke kubur mangsa-mangsa akibat insiden berkenaan. Ketika berada di tanah perkuburan saudara mara mangsa takut melihat saya kerana mereka katakan saya adalah salah seorang pengganas. Saya telah menemubual saudara mara mangsa untuk mendapatkan maklumat yang penting.

HB : Adakah ketika Encik Mahadi melakukan tugasan berkenaan Encik Mahadi bergerak secara berkumpulan atau bersendirian?

NMNH : Saya hanya bergerak berdua iaitu bersama juru kamera. Itu adalah merupakan pengalaman ngeri semasa melakukan liputan disana, saya telah pergi ke Sungai Golok, Thailand dengan menaiki kereta untuk menemubual wakil rakyat disana iaitu sahabat lama saya. Bila saya sampai saya terus keluar dari kereta, jurukamera saya juga keluar bersama-sama, bila saya pandang ke belakang saya lihat sebuah track askar Siam memegang senapang M16 dengan muka *mase cetung* [muka bengis]. Kemudian saya memberitahu bahawa mereka telah *follow* [ikut] kami dari bermula kami masuk ke Thailand lagi. Saya memberitahu komander askar Thailand *i'm from TV3, i'm as journalist* [saya dari TV3, sebagai wartawan] dan komander menjawab *no...no...no...* [tak boleh, balik] lalu kami terus balik dan bernasib baik kerana mereka tidak *bedil* [tembak] kami. Mereka tidak suka pihak TV3 membuat berita pasal Selatan Thai. Saya jumpa masa saya *cover Prime Minister* [buat liputan tentang Perdana Menteri] Taksin Sinawat, ketika di Menara yang bertempat di Chek Aerong. Saya bersama pegawai Taksin Sinawat, saya kata *i'm from TV3* [saya dari TV3]. Taksin menjawab *because of you we lost protection* [sebab awak kami hilang perlindungan], kerana TV3 sering melakukan berita di Selatan Thai dan kalah Pilihan Raya Umum, tapi memang kalah pilihan raya tersebut.

MH : Selain dari Tabai Thailand, adakah Encik Mahadi pernah membuat liputan di negara lain?

NMNH : Tiada cuma awak boleh tulis, saya pernah menerima panggilan dari wartawan Al Jazira dari Kuala Lumpur untuk bantu mereka untuk membuat liputan berita tentang Selatan Thai selama dua [2] minggu sekitar Patani, Naratiwat. Jadi saya telah dibayar pada waktu itu sebanyak seratus sepuluh [100] US dolar sehari dan awak darab dengan empat [4], berapa? Empat ratus empat puluh ringgit [40] malaysia sehari dan darab pula dengan dua [2] minggu (empat belas hari). Berapa? Tulis berapa nilainya. Lebih kurang tujuh ribu enam ratus kan? Nilai bayaran yang saya dapat adalah untuk dua [2] minggu. Jadi saya dua minggu bersama dia, saya sebagai translater [perterjemah] dan kawan saya yang tolong tunjukkan jalan, dia wartawan Siam bernama Dani (Danial) sekarang sebagai correspondent TV3 yang tahu jalan di Thailand kerana saya tidak tahu jalan di Narathiwat dan Pattani. Stiba disana saya *interview* [temubual] wakil rakyat berkenaan. *what they want* [apa yang mereka mahu], saya tanya. “kita nak hidup aman damai, tak nak berperang dan tak nak apa-apa”, jawab wakil rakyat tersebut *they want to live in peace* [mereka ingin hidup dalam keadaan yang aman] saya membuat *translation*, [terangkan]. Itulah pengalaman *international* [antarabangsa] yang pernah saya lakukakn berama beberapa orang rakan yang berkerja di Al Jazira.

MH : Apakah perasaan Encik apabila terlibat dengan kes-kes tersebut?

NMNH : Sedih, sayu, pilu, ,menimpa umat Islam di Selatan Thai, enam juta umat Islam di Selatan Thai. Saya pernah interview isteri kepada mangsa si mati, saya suruh dia *teriok* [menangis], supaya nampak sedih bila dirakam. Dia tidak boleh menangis kerana *tok laki* [suami] apabila dia mati jangan menangis, suami dia telah wasiatkan kepadanya. Satu hari, awak kena tulis saya pernah interview, bila berlaku insiden di Ta'bai bulan puasa, mayat-mayat dia *buh* [dilettakkan] diatas lori, *hok* [yang] berada di bawah sekali yang tangan terikat masih hidup, air darah *titik* [jatuh] dia kata kerana masa itu hidup dan dia orang tersebut minum air darah kerana mengalir bersama air hujan.

MH : **Apakah cabaran Encik ketika membuat liputan tersebut?**

NMNH : Bagi saya, cabaran itu asam garam bagi saya, tapi saya redha begini yang penting saya kena buat *sokmo* [selalu]. Saya boleh tempuh begitu sahaja, *when you join the tough, emm when you called get tough, only tough you go* [bila awak mendapat cabaran, orang akan risau dengan masalah].

MH : **Adakah Encik mendapat sebarang masalah ketika membuat liputan?**

NMNH : Biasalah masalah ini.

MH : **Apakah langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut?**

NMNH : Saya guna otak saya.

HB : Maksud Encik?

NMNH : Berfikir pada waktu tersebut, kena banyak bersabar, fokus untuk selesaikan masalah, *as long as you get the news* [selagi awak dapat berita].

HB : Adakah Encik pernah rasa berputus asa ketika menrima tugas di Selatan Thai?

NMNH : Tidak pernah. *i always tell my own* [saya selalu cakap pada siri sendiri].

HB : Jadi bila Encik ada sesuatu masalah, Encik akan cuba sedaya upaya untuk selesaiakannya?

NMNH : Pihak Kuala Lumpur juga percayakan saya, kalau ada kes di Selatan Thai saya akan masuk ke sana. Satu kelebihan saya, boleh berbahasa Thai, awak tulis, tiada pada orang lain.

HB : Bolehkah Encik bertutur dalam bahasa Thailand, sebagai contoh?

NMNH : Saya *oyak cerito* [menceritakan], saya membuat liputan berita di Hospital

Sungai Golok, kes pada waktu itu di Hotel Marina tulis nama hotel. Hotel Tara, Sungai Golok ada bom meletup, ada rakyat Malaysia ketika itu *duduk berdisko duduk jogek* [sedang berdisko sedang menari], dia masuk wad di Hospital Sungai Golok. *So, [jadi]* bila kita pergi malam itu adalah *official* [rasmii] RTM pun ada, TV3 pun ada ASTRO tiada lagi. Kita *interview* [temubual] Dr. Withayu. Dr. Withayu *Director of Hospital Sungai Golok* [Ketua Pengarah Hospital Sungai Golok] dan *ngajii* [belajar] di Amerika, saya tidak ingat universiti *gapo* [apa] dulu dan boleh bertutur *bahaso oghe putih* [bahasa english]. Masa sidang media itu kita rakamlah gambar dia, sidang media awak *pehe dop* [faham kan]. *the patients Malaysia is alright, we take care* [orang Malaysia ini siahat semualah] dia kata dan semuanya dirawat. Sudah *interview* [temubual] saya tanya *can we see the patients* [boleh saya tengok pesakit], *no...no..no..sir* [tidak boleh encik]. Saya pun *royak kow cameraman* *saya standby kito akan masuk dale wad* [saya menyuruh jurukamera saya bersedia dan kita akan masuk ke dalam wad], terkejut *camereman* [jurukamera] saya. *dia tok v gi* [tidak benarkan masuk] saya cakap *caro apo dia* [peduli apa], tugas dia hanya ambil gambar, saya pun *metong* [terus] berjalan kaki dua orang memakai vest TV3 *camereman* [jurukamera] saya membawa kamera. Sampai di depan pintu wad itu *nurse* [jururawat] kata, [Bahasa Thailand] tidak boleh masuk, [Bahasa Thailand] kenapa tidak boleh masuk?, [Bahasa Thailand] saya wartawan dari TV3 Malaysia, [Bahasa Thailand] *sakni jah* [baru sahaja] saya baru *interview* [temubual] Dr. Withayu. [Bahasa Thailand] Dr. Withayu suruh masuk tengok. [Bahasa Thailand] kalau awak tak percaya, telefon Dr. Withayu. Saya tipu dia, dia takut dengan *boss* [ketua] dia, [Bahasa Thailand] masuk-masuk. Bila masuk, dua minit sahaja *cameraman* [jurukamera] saya ambil gambar *takot berigak* [takut diketahui]. Sudah ambil gambar, saya pun *interview* [temubual] orang yang cedera sedikit terkena bom adalah orang Rantau Panjang saya kenal, *owh kito ingat kow bunyi speakar pecoh doh, keno-keno kow bom, kejut garr kito* [saya ingatkan bunyi speaker pecah,

rupa-rupanya bunyi bom meltup, terkejut saya], *tubik* [keluar] di Buletin Utama waktu itu, *baloh* [bergaduh] dengan isteri dia, isteri dia marah sebab keluar di tv dia pergi berdisko di Golok, nama dia Pok Ya. Saya sebagai satu penghormatan bagi saya ini, tiada orang *inerview* [tenubual] saya ini, saya *interview* [temubual] orang ini, awak *interview* [temubual] saya *biso* [bagus] juga awak ini. [ketawa].

HB : **Bolehkah kami tahu, adakah menjadi seorang wartawan ini perlu fasih dalam banyak bahasa?**

NMNH : Kalau boleh, ini saya nak beritahu awak semasa saya membuat liputan di negara orang putih saya *interview* [temubual] mat saleh dia daripada Return di Bangkok, Thailand, mari dari Bangkok turun nama dia Richard Button *kecek* [bercakap] orang putih [Bahasa English]. Mat salaeh ini dia nak tunjuk *gedebe* [berlagak] dia cakap dia *biso* [hebat] bercakap Siam. Dia pun *interview* [temubual] saksi dari Siam. Saya pun kata, *menate mat saleh ni nok tujuk kat ku* [orang Amerika mahu menunjuk], [ketawa]. Saya pun *interview* [temubual], [Bahasa Thailand], terkejut mat saleh. *i never met Malaysian Journalist can speak Thai* [saya belum pernah jumpa]. Saya pun cakap *i'm only Malaysia Journalist can speak Thai* [hanya saya yang boleh bertutur dalam bahasa Thai]. *pade saya lima tahun di Bangkok* [saya sudah lima tahun menetap di Bangkok]

HB : **Bolehkah Encik ringkaskan sedikit harapan dan cadangan bagi wartawan yang ingin menceburi bidang penyiaran?**

NMNH : Satu dia kena *gila* [tahu semua hal], masa *twenty four hours* [dua puluh empat jam], tengah malam pom jawab *call* [panggilan]. Kerja wartawan bagi

saya adalah bagi saya kerja *gilo* [mencabar]. Hanya orang *gilo* [bersemangat tinggi] yang boleh berkerja kerana orang yang betul-betul ingin berkerja sahaja boleh berkerja. Kalau awak tak *gilo* berkerja, malam *off phone* [tutup telefon], saya *twenty four hours* [dua puluh empat jam] orang akan telefon *on* [buka] *twenty four hours* [dua puluh empat jam] telefon saya. Wartawan tu, bila orang telefon dia tak *angkat* [jawab] kan salah, berdosa besar, walaupun dia tak bertugas, dia kena *on* [buka] telefon dia *twenty four hours* [dua puluh empat jam] [24], *commitment* [peranan] dia sebenar. Kalau wartawan kerja nak *make gaji* [makan gaji], boleh dia kerja makan gaji, tujuh pagi dia *cocoh* [masukkan kad pekerja]. Tapi sebagai wartawan yang betol-betol *real journalist* [wartawan sebenar] dia gagal bagi saya. Dah kenapa semalam tak kerja, tak *angkat telefon* [jawab panggilan], saya *off phone* [tutup atau tak jawab panggilan]. Orang tak tahu awak *off* [buka] ke tak *off* [buka], wartawan telefon, orang ni telefon, *public* [orang awam] telefon kat awak. Kalau awak tutup telefon nak tahu macmmana kan, cakap yang awak *off* [tutup] kan, dia telefon ada kes ni, *bui* [bagi] nombor telefon pejabat biar dia *contact* [telefon] orang lain. Dia kena *gila* kerja jadi wartawan, kalau tak *gilo* [bersungguh] tak boleh kerja. *ado sow* [ada satu] saya nak tunjuk anugerah nie saya tiggal, *hok ni* [yang ini] awak masuk.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN

MH : Apakah pencapaian tertinggi encik selama berkhidmat sebagai seorang wartawan?

NMNH : Mendapat anugerah International Magazine America Syarikat. Di Malaysia tak pernah ada *journalist* [wartawan] yang dapat anugerah tersebut.

MH : Bilakah encik mendapat anugerah tersebut?

Pernahkah encik menghadiri mana mana sidang akhbar ahli politik semasa berkhidmat sebagai wartawan?

NMNH : Banyak. Lawatan PM [Perdana Menteri], lawatan Tun Dr Mahathir, Pak Lah, Najib saya *cover* [hadir]. Yang terakhir lawatan Zahid Hamidi.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6 :SUMBANGAN

MH : Bolehkah encik menyatakan sedikit sebanyak sumbangan Encik Mahadi kepada seseorang yang ingin menceburi bidang wartawan sebagai contoh ceramah mahupun motivasi?

NMNH : Seingat saya, saya pernah *bui* [bagi] ceramah di Sekolah Menengah Hamzah Machang. Tetapi cikgu sendiri masalah tu [itu] *tak* [tidak] expose [mendedahkan] bidang kewartawanan kepada murid. *Kalu* [kalau] tanya pelajar dia *tak* [tidak] tahu bidang wartawan *tu gapo* [itu apa] [dialog bertanya]. Dia tahu *enginier* [jurutera], *architect* [arkitek], polis, bomba. Wartawan ni dia tahu gosip artis *jah* [sahaja].

MH : Pernahkah encik terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam bidang kemanusiaan selama berkidmat sebagai wartawan?

NMNH : Banyak. Melibatkan masyarakat, satu kampung *tak* [tidak] ada elektrik, pada tahun tu FIFA Worldcup pada sepuluh [10] tahun lepas, saya telah buat satu berita bertajuk “Saat-saat Penduduk Malaysia Menikmati Siaran Langsung Bola Sepak Piala Dunia”, ada lagi satu kampung tak leh [boleh] tengok bola sepak sebab *tak* [tidak] ada elektrik. Masuk dalam buletin utama. Esoknya Tenaga Nasional *mari* [datang] pasang tiang elektrik. Orang kampung *mari* [datang] berterima kasih, *ore kejut* [terkejut]. Perasmian elektrik tu dirasmikan oleh ahli parlimen Machang Menteri Alam Sekitar.

MH : Bolehkah kami tahu berapa lama tempoh masa yang di ambil oleh encik mahadi untuk menulis sesuatu artikel ataupun buku?

NMNH : Dalam dua [2] minggu.

MH : Di manakah encik mendapat idea dalam penulisan tersebut?

NMNH : Berdasarkan wawancara.

MH : Apakah ciri-ciri yang perlu ada untuk menjadi penulis yang termasyhur?

NMNH : Menulis *the truth* [sesuatu yang benar]. Apa yang di tulis benda benar. *Nothing but the truth* [tiada yang lain kecuali benar belaka].

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: HARAPAN

- MH : Bolehkah encik mahadi nyatakan harapan ataupun isi hati encik terhadap pembangunan bidang penyiaran kewartawanan di Malaysia?
- NMNH : Perlu ada usaha kuat untuk melahirkan koresponden-koresponden di luar negara, wakil-wakil agensi berita di luar negara. Kita tak perlu bergantung kepada agensi-agensi berita negara barat seperti Return, UPF. Kita sendiri Malaysia kena buat. Editor *tolol* [bodoh] alik atas tu kena *mikir* [berfikir] *lagu* [macam] mana nak buat. Kalu dia *tak* [tidak] *mikir* [fikir] saya duk *mikir* [harus berfikir] selama tiga puluh [30] tahun, jadi benda tu [itu] masih lagi bermain *dale* [dalam] *palo* [kepala] saya, membara sedikit waktu lagi saya, *financial* [kewangan] dapat bajet [dana] daripada *funder* [penyumbang]. Saya akan *tubik* [keluarkan] majalah WASPADA, WASPADA tu [itu] macam *times*, *mace* [seperti] News Week. Saya akan cuba menempatkan wartawan di tiga puluh [30] kota-kota besar seluruh dunia seperti di New York, Rome, Istambul, Seoul, Jepun, Belanda, Lanham Bert, baru jurnalis kita bertahap antarabangsa, *kalu* [kalau] tidak, dia seperti *enjin air* [menurut perintah] bergantung kepada orang putih. Kesilapan editor-editor *tolol* [bodoh] tak *mikir* [fikir] gaji mahal.

MH : Apakah harapan Encik terhadap sambutan masyarakat dalam bidang kewartawanan ini?

NMNH : Masyarakat harus bersikap terbuka. Kementerian pun serupa harus bersikap terbuka. Masyarakat perlu membaca. Kena banyak membaca, masyarakat Malaysia ni [ini] tak [tidak] membaca. Kajian yang di buat di Institut Kemahiran Negara, rakyat Malaysia ni kurang membaca. Kalau tak silap saya sepuluh [10] halaman setahun. Sebab saya kata banyak membaca, sebab satu *intellectual* [intelektual]. *Loni* [sekarang] *hok* [yang] duk [selalu] baca *puak-puak awak* [golongan universiti], *puak-puak pensyarah* [golongan pensyarah] *hok* [yang] *duk ngajar* [selalu mengajar] awak. *Pah* [lepas] *tubik* [keluar] ijazah kijo [kerja] tak baca. *Pah* [lepas] *tu* [itu] kita kata negara maju. Kemajuan *enjin air* [hanya sekadar menurut kata pihak atasaran]. Contoh paling mudah sampah. *Gi* [pergi] mana-mana sampah.

TAMAT BAHAGIAN 7

TEMUBUAL LISAN BERSAMA NIK MAHADI NIK HASSAN

RUJUKAN

RUJUKAN

Kesatuan Wartawan Kebangsaan Malaysia. Retrieved November 20 2015 from,
<https://ms.wikipedia.org/>

Nik Mahadi Nik Hassan. 1992. Siapa lebih tokoh?. Kuala Lumpur. Penerbitan Al Munir.
Retrieved November 13 2015 from,
https://openlibrary.org/works/OL3222932W/Siapa_lebih_tokoh

Nik Mahadi Nik Hassan. (2015, November 23). Personal interview

TEMUBUAL LISAN BERSAMA NIK MAHADI NIK HASSAN

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG TOKOH		
Masa (minit)	Perkara	Fokus
00:15 – 00:42	Latar belakang tokoh	<ul style="list-style-type: none"> • Di lahirkan di Rantau Panjang, Jajahan Pasir Mas, Bole Town Bandar Sempadan. • Umur.
00:42 – 02:15	Pendidikan awal	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat Pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang, Kelantan. • 1973 – Mengambil penilaian darjah 5 dengan keputusan 3A2B. • 1974 – Mendapat tawaran smbung belajar ke Sekolah Maktab Sultan Ismail sehingga tingkatan 3. • Tingkatan 4 meneruskan pengajian ke Maktab Sultan Ismail College. • 1979 – Menduduki peperiksaan MCE
02:15 – 03:02	Latar belakang keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Nama bapa. • Nama ibu. • Bilangan adik-beradik
03:02 – 05:27	Taraf perkahwinan	<ul style="list-style-type: none"> • 1990 – Telah mendirikan rumah tangga • Nama isteri • Bilangan anak • Tahap pendidikan anak

TAMAT BAHAGIAN 1		
BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH		
05:27 – 06:33	Sejarah pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • 1997 – Belajar di Maktab Sultan Ismail di Kota Bharu. • 1998 – Menyambung pelajaran ke Sultan Ismail College dan menduduki peperiksaan MCE • Meneruskan pengajian ke YS-ITM di Kota Kinabalu, Sabah. • Berpindah ke ITM Shah Alam mengambil kursus Diploma in Business Study. • Selepas satu semester dibuang universiti kerana mendapat pointer terendah.
06:33 – 10:04	Pengalaman hidup	<ul style="list-style-type: none"> • Bekerja sebagai buruk kontrak di Singapura. • Balik ke kampung halaman bekerja sebagai guru sementara di sekolah Banggul Kulim Rantau Panjang. • Berhenti mengajar beliau bekerja sebagai pegawai perhubungan awam bersama bapa saudara selama tiga tahun.
10:04 – 15:47	Menyambung pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • 1983 – Mengambil peperiksaan STPM • 1985 – menyambung pengajian ke Indonesia mengambil kursus Diploma dalam Jurnalisme • 1988 – Membuat latihan praktikal dengan akhbar tersebar Indonesia. • Sejarah Journalisme di Indonesia

15:47 – 29:12	Kesukaran belajar di universiti	<ul style="list-style-type: none"> • Terpaksa menanggung kos sara hidup yang tinggi. • Kos belajar di universiti swasta. • 1985 – Bertanding sebagai timbalan presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Medan Indonesia. • Sejarah penubuhan PKPMI. • Kongres persasutan pelajar-pelajar Malaysia Indonesia. • Datuk seri Anwar Ibrahim ingin mengadakan perjumpaan bersama pelajar-pelajar Malaysia di Indonesia. • Pilihan Raya Umum di Indonesia. • 1988 – Mendapat Diploma dalam Jurnalisme. • Mesyuarat di Pulau Bali bersama pelajar Malaysia Indonesia. • Penukaran “letter head” dalam Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris.
29:12 – 30:03	Rahsia kejayaan.	<ul style="list-style-type: none"> • Semangat dalam apa jua perkara yang ingin dilakukan.
TAMAT BAHAGIAN 2		

BAHAGIAN 3: KERJAYA TOKOH		
00:00 – 00:30	Kerjaya sebelum menjadi wartawan	<ul style="list-style-type: none"> Pengalaman kerja sebelum menjadi wartawan
00:30 – 04:44	Minat	<ul style="list-style-type: none"> Tahun mula meminati bidang kewartawanan. Peristiwa menyebabkan beliau mula mencebur ke bidang penulisan. Artikel pertama penulisan beliau bertajuk “Seniman kita serba kekurangan”. Gelaran nama panel beliau sebagai penulis “Marah Mahadi Hassan”. Mula belajar di Indonesia dalam bidang Journalism.
04:44– 04:58	Cabang beliau dalam bidang kewartawanan.	<ul style="list-style-type: none"> Beliau hanya fokus dalam bidang penulisan seperti menulis berita.
04:58 – 05:42	Sebab beliau memilih kerjaya wartawan.	<ul style="list-style-type: none"> Bidang kewartawanan berada pada ranking ke empat dalam dunia. Minat beliau yang mendalam dalam bidang penulisan. Sifat beliau yang peramah suka bertemu dengan ramai orang.
05:42 – 07:09	Menyambung pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> Peristiwa di Indonesia terpaksa belajar medan dan bukan di Bandung kerana kursus journalism hanya ada di universiti swasta di Medan, Indonesia. Pemilihan beliau antara guru dan wartawan, beliau memilih sebagai wartawan. Sebab utama beliau ke Indonesia untuk

		menjadi seorang wartawan.
07:09 – 08:10	Dorongan untuk terus berada dalam bidang kewartawanan.	<ul style="list-style-type: none"> Saat-saat sukar semasa belajar di universiti. Kemelesetan ekonomi di Malaysia. Mula bertugas di akhbar WATAN.
08:10 – 08:27	Orang yang banyak memberi dorongan kepada beliau dalam bidang kewartawanan.	<ul style="list-style-type: none"> Semangat beliau yang kuat demi mencapai cita-cita beliau sebagai seorang wartawan.
08:27 – 08:53	Mula bergiat aktif dalam bidang kewartawanan.	<ul style="list-style-type: none"> Setelah mula bekerja dengan akhbar WATAN. Pendapatan beliau sebagai wartawan penulis berita.
09:07 – 09:22	Mula berkhidmat sebagai wartawan.	<ul style="list-style-type: none"> Bermula dengan akhbar WATAN di bawah Karang Kraf Negeri Kelantan.
09:22 – 10:26	Pengalaman berhidmat di akhbar WATAN.	<ul style="list-style-type: none"> Selama enam bulan. Seterusnya mula berkhidmat dengan akhbar Berita Harian. Pada tahun 1995, mula berkhidmat di Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.
10:55 – 11:42	Penglibatan beliau dalam stesen tv	<ul style="list-style-type: none"> Menulis berita untuk siaran televisyen.
11:42 – 12:30	Perasaan apabila dapat berkhidmat dalam stesen tv	<ul style="list-style-type: none"> Perasaan gembira apabila dapat berkhidmat di stesen TV3.
12:30 – 14:00	Peranan wartawan	<ul style="list-style-type: none"> Peranan wartawan kepada masyarakat. Wartawan sebagai perantaraan kepada

		masyarakat.
14:00 – 14:56	Perkembangan bidang kewartawanan kepada masyarakat.	<ul style="list-style-type: none"> • Kemajuan media sosial. • Masyarakat yang terdiri dari golongan yang bijak pandai.
14:56 – 15:30	Kesan media sosial terhadap masyarakat.	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau mengatakan kadang-kadang media sosial membawa pengaruh buruk tetapi tidak selalu.
14:56 – 15:30	Kesan media sosial terhadap masyarakat.	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau mengatakan kadang-kadang media sosial membawa pengaruh buruk tetapi tidak selalu.
15:30 – 16:20	Strategi yang digunakan untuk menyampai berita.	<ul style="list-style-type: none"> • Medium yang digunakan untuk menyampai berita.
16:20 – 16:54	Masyarakat yang menolak bidang kewartawanan.	<ul style="list-style-type: none"> • Beliau mengatakan jika masyarakat menolak bidang kewartawanan dan menolak media, masyarakat bakal lkembali ke “zaman batu”.
16:54 – 18:42	Pendekatan untuk menyalurkan sesuatu berita.	<ul style="list-style-type: none"> • Harus berinteraksi dengan masyarakat. • Menjadi suara masyarakat. • Membawa kepada peristiwa beliau menumpang seorang tua yang ingin mendapat bantuan dari pihak berwajib untuk anak saudaranya yang kurang bernasib baik.
18:42 – 19:32	Revolusi dalam bidang wartawan.	<ul style="list-style-type: none"> • Pembawaan berita kurang tepat masyarakat akan keliru.
19:32 – 19:54	Kesan berita tidak tepat dari wartawan.	<ul style="list-style-type: none"> • Kekeliruan masyarakat terhadap berita yang mungkin membawa kesan buruk.
19:54 – 24:55	Perubahan yang akan beliau lakukan	<ul style="list-style-type: none"> • Kebergantungan malaysia terhadap agensi-agensi berita dari luar negara

		<p>untuk mendapatkan maklumat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kenyataan Tun Dr. Mahathir. • Tiada pembaharuan terhadap bidang watawan. • Kemajuan negara luar meninggalkan negara kita. • Beliau ingin menerbitkan majalah beliau sendiri demi menyahut caaran daripada mantan perdana menteri Tun Dr. Mahathir.
24:55 – 26:22	Tempat kerja sekarang	<ul style="list-style-type: none"> • Berkhidmat di TV AL-Hijrah. • Jawatan di TV Al-Hijrah. • Telah berkhidmat semenjak 2010. • Cara beliau diserap ke TV Al-Hijrah.
26:22 – 26:40	Kepakaran bidang kerjaya.	<ul style="list-style-type: none"> • Penulisan berita.
26:40 – 27:38	Penganugerahan beliau.	<ul style="list-style-type: none"> • Menerima anugerah Wartawan Penyiaran Terbaik Negeri Kelantan. • Anugerah dari UMK, The Most Sporting Journalist.
27:38 – 29:12	Idola beliau dalam bidang kewartawanan.	<ul style="list-style-type: none"> • Idola beliau Tan Sri Samad Ismail, tokoh Wartawan Malaysia. • Sebab meminati idola tersebut.
TAMAT BAHAGIAN 3		
BAHAGIAN 4: PENGALAMAN TOKOH		
29:12 – 36:46	Pengalaman sebagai wartawan	<ul style="list-style-type: none"> • Pernah terlibat membuat liputan di luar negara.

		<ul style="list-style-type: none"> • Perasaan ketika membuat liputan di luar negara. • Hanya bergerak berdua bersama juru kamera semasa membuat liputan. • Pengalaman beliau bersama TV Al-Jazira dari Kuala Lumpur membuat liputan selama dua minggu di Selatan Thailand.
36:46 – 38:18	Perasaan apabila terlibat dengan kes-kes besar dan merbahaya.	<ul style="list-style-type: none"> • Perasaan beliau sedih, sayu dan pilu. • Pernah menemubual mangsa pengeboman yang sedih kerana hilang tempat bergantung.
38:18 – 40:00	Cabarannya semasa membuat liputan.	<ul style="list-style-type: none"> • Cabaran sebagai asam garam dunia kewartawan. • Bersifat redha dan berserah. • Masalah perkara biasa semasa buat liputan. • Langkah penyelesaian masalah yang dihadapi semasa membuat liputan. • Tidak pernah ada rasa putus asa dalam melakukan kerja yang kita minati.
40:00 – 45:05	Kepakaran bertutur	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh bertutur dalam empat bahasa termasuk bahasa melayu, bahasa thai, masa inggeris, dan bahasa indonesia. • Peristiwa tetapan bom di Hotel Marina. • Bertutur dalam bahasa Thai, membuat liputan di Hospital Sungai Golok menemubual mangsa yang cedera akibat bom yang meletup di Holtel Marina. • Sekiranya ingin menjadi wartawan

		sekurang-kurangnya harus fasih lebih dari satu bahasa.
45:05 – 47:38	Ringkasan harapan dan cadangan	<ul style="list-style-type: none">• Harapan dan cadangan beliau kepada sesiapa saja yang ingin mencebur ke dalam kewartawanan ini.• Sabar dan gigih dalam melakukan apa jua kerja.• Sentiasa bersedia untuk melakukan tugas.
TAMAT BAHAGIAN 4		

BAHAGIAN 5: PENCAPAIAN TOKOH		
47:38 – 50:31	Pencapaian tokoh.	<ul style="list-style-type: none">• Pencapaian tertinggi beliau selama berkhidmat dalam bidang kewartawanan.
01:05 – 01:30	Liputan sidang akhbar ahli politik.	<ul style="list-style-type: none">• Lawatan perdana menteri, lawatan mantan perdana menteri dan lain-lain.
TAMAT BAHAGIAN 5		

BAHAGIAN 6: SUMBANGAN TOKOH		
01:50 – 06:44	Sumbangan tokoh dalam bidang kewartawanan.	<ul style="list-style-type: none">• Memberi ceramah di Sekolah Menengah Hamzah Machang.• Penglibatan beliau dalam bidang kemanusiaan.• Penulisan buku dan artikel.• Idea dalam penulisan beliau.• Ciri-ciri penulis termasyhur.
TAMAT BAHAGIAN 6		

BAHAGIAN 7:HARAPAN TOKOH		
06:44 – 10:26	Harapan beliau dalam pembangunan	<ul style="list-style-type: none">• Harus ada usaha kuat dalam melahirkan responden di luar negara untuk kita tidak perlu bergantung kepada pemberita dari luar negara.• Cita-cita beliau suatu masa nanti untuk menerbitkan majalah beliau sendiri.• Cita-cita beliau untuk menempatkan wartawan beliau di tiga puluh kota-kota besar seluruh dunia.• Harapan beliau terhadap sikap masyarakat.
TAMAT BAHAGIAN 7		

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
3.00ptg - 5.00ptg	28 Okt 2015	<p>Perjumpaan pertama bersama tokoh.</p> <p>Berjumpa bersama tokoh di sebuah kedai makan “Kak Mah Ikan Keli” yang terletak bersebelah di UiTM, Machang, Kelantan secara kebetulan</p>	Catatan awal, dapat mengenali sedikit sebanyak latar belakang tokoh.
12.00ptg – 12.15ptg	1 Nov 2015	<p>Panggilan Telefon</p> <p>Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah.</p>	Tokoh beritahu akan bagitahu tarikh yang sesuai.
4.00ptg – 4.30ptg	4 Nov 2015	Berjumpa Pensyarah untuk meinta izin menemuramah Encik Nik Mahadi Ni Hassan.	Pensyarah membenarkan menemuramah tokoh berkenaan.

TEMUBUAL LISAN BERSAMA NIK MAHADI NIK HASSAN

3.00ptg – 3.15ptg	8 Nov 2015	Panggilan Telefon Membuat panggilan telefon untuk mengetahui tarikh yang beliau boleh ditemuramah.	Tokoh beritahu akan lakukan pada hujung bulan November.
9.00pg - 9.15pg	19 Nov 2015	Panggilan Telefon Tokoh menyatakan bahawa boleh temuramah beliau minggu hadapan di rumah beliau.	Tokoh mahu kami hadir ke rumah beliau.
10.00pg - 10.15pg	23 Nov 2015	Panggilan Telefon Meminta izin dari tokoh untuk menemuramah pada waktu petang.	Tokoh memberitahu supaya dating pada waktu malam, selepas solat Isyak.
9.00mlm – 12.00mlm	23 Nov 2015	Sesi temubual bersama tokoh di kediaman beliau.	Tokoh menceritakan sejarah kehidupan beliau sehingga berjaya sehingga ke tahap sekarang.

SENARAI SOALAN

Rangka soalan temu bual bersama Encik Nik Mahadi Nik Hassan

Pengenalan: *[rakam sebelum temubual]*

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh **Hasrul Bazli Bakar** dan **Muhamad Hasnan Fitri Muhamad Hanapi** bersama **Encik Nik Mahadi Nik Hassan** mengenai pengalaman dan sumbangan beliau dalam bidang **Kewartawanan** beliau, semasa berkhidmat bersama **TV3** dan **TV ALHIJRAH**. Temubual ini dijalankan di kediaman **Encik Nik Mahadi Nik Hassan** pada **23 November 2015**.

1.0 Latar Belakang

1. Bolehkan Encik ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang encik seperti nama, umur dan tempat tinggal?
2. Bilakah Encik dilahirkan?
3. Di manakah Encik dilahirkan?
4. Di manakah Encik dibesarkan?
5. Di manakah Encik tinggal sekarang?
6. Siapakah nama ibu Encik?
7. Siapakah nama bapa Encik?
8. Berapa orangkah adik-beradik Encik?
9. Encik anak ke berapa?
10. Adakah Encik mempunyai nama gelaran diberikan oleh keluarga?
11. Adakah Encik telah mendirikan rumah tangga?
12. Sudah berapa lama Encik mendirikan rumah tangga?
13. Siapakah nama isteri Encik?
14. Berapakah bilangan anak Encik sekarang?

15. Adakah anak-anak Masih sekolah atau belajar mahupun telah bekerja?

2.0 Sejarah Pendidikan

16. Di manakah Encik mendapat pendidikan awal sebelum melangkah ke sekolah menengah?

17. Apakah pencapaian Encik semasa di peringkat sekolah?

18. Adakah Encik menyambung pengajian ke peringkat Universiti selepas tamat sekolah menengah?

19. Di manakah Encik menyambung pengajian selepas tamat sekolah menengah?

20. Mengapakah universiti tersebut menjadi pilihan Encik?

21. Apakah bidang yang Encik pilih semasa di Universiti.

22. Mengapakah bidang tersebut menjadi pilihan Encik?

23. Berapa lamakah pengajian Encik semasa di Universiti?

24. Selama pengajian Encik, Siapakah yang banyak memberi sokongan dan semangat untuk terus berjaya?

25. Apakah pencapaian tertinggi Encik semasa belajar di Universiti?

26. Apakah kesukaran yang Encik hadapi semasa belajar di Universiti?

27. Apakah kenangan pahit mahupun manis yang mungkin Encik tidak lupa semasa di Universiti?

28. Apakah rahsia kejayaan Encik dalam bidang akademik sehingga mencapai ke tahap yang membanggakan?

3.0 Kerjaya lain sebelum menceburi bidang kewartawanan

29. Apakah kerjaya lain yang menjadi pilihan Encik sebelum menjadi wartawan?

30. Bilakah Encik mula meminati bidang kewartawanan ini?

31. Jadi, Encik Mahadi menceburi bidang kewartawanan ini diatas pesanan dan dorongan sahabat Encik Mahadi?

32. Bagaimana Encik boleh terlibat dalam bidang kewartawanan ini?

33. Apakah cabang bidang kewartawanan Encik sebagai seorang wartawan?

34. Dalam banyak-banyak bidang mengapa kerjaya wartawan menjadi pilihan Encik?
35. Apakah yang mendorong Encik untuk terus berada dalam bidang kewartawanan ini?
36. Bilakah Encik mula bergiat secara aktif sebagai seorang wartawan?
37. Di manakah Encik berkhidmat sebagai wartawan ini?
38. Berapa lamakah Encik berkhidmat di tempat tersebut?
39. Pernahkah Encik mewakili mana-mana agensi dalam membuat liputan?
40. Bagaimana Encik boleh terlibat menjadi seorang wartawan (TV3/TV Alhijrah)?
41. Apakah perasaan Encik dapat berkhidmat sebagai wartawan (TV3/ TV Alhijrah)?
42. Pada pandangan Encik apakah peranan seorang wartawan kepada masyarakat?
43. Mungkinkah pada pendapat Encik Mahadi, wartawan ini adalah satu perantaraan kepada masyarakat?
44. Apakah pendapat Encik berkenaan perkembangan dalam bidang kewartawanan kepada masyarakat?
45. Adakah pada pendapat Encik Mahadi dengan menggunakan media sosial ini akan menimbulkan kesan buruk kepada masyarakat?
46. Pada pendapat Encik apakah kesan sekiranya masyarakat menolak bidang kewartawanan ini?
47. Maksud Encik Mahadi? Boleh terangkan sedikit?
48. Apakah strategi yang mungkin diguna pakai oleh Encik dalam menaikkan sesuatu berita?
49. Apakah pendekatan yang Encik gunakan untuk mendapat perhatian daripada masyarakat mengenai sesuatu berita?
50. Apakah perubahan yang mungkin Encik akan bawakan dalam bidang kewartawanan ini suatu masa nanti?
51. Pada pendapat Encik apakah revolusi pembawaan berita yang tidak tepat dalam bidang kewartawanan ini?
52. Pada pendapat Encik, apakah kesan kepada masyarakat sekiranya berita yang tidak tepat disampaikan oleh wartawan?

53. Pada pendapat Encik, apakah kesan dalam bidang kewartawan sekirana berita tidak tepat disampaikan oleh wartawan?
54. Sekiranya Encik tidak terlibat dalam bidang Kewartawanan, apakah kerjaya lain yang bakal Encik pilih?
55. Untuk soalan terakhir, apakah perubahan yang Encik Mahadi akan lakukan dalam bidang kewartawanan ini pada suatu masa nanti?
56. Apakah yang di maksudkan dengan WASPADA?

4.0 Kerjaya terkini

57. Apakah kerjaya terkini Encik?
58. Dimanakah Encik bekerja sekarang?
59. Adakah Encik memegang sebarang jawatan di tempat kerja sekarang?
60. Berapa lamakah Encik telah berkhidmat di tempat kerja sekarang?
61. Bagaimana Encik Mahadi boleh berpindah ke TV ALHijrah?
62. Apakah kepakaran Encik sehingga memegang jawatan tersebut?
63. Adakah Encik menerima sebarang anugerah diatas kepakaran ini?

5.0 Pengalaman sebagai wartawan

64. Sudah berapa lamakah Encik terlibat dalam bidang kewartawanan ini?
65. Siapakah idola Encik dalam bidang kewartawanan ini?
66. Apakah pengalaman Encik selama berkhidmat sebagai seorang wartawan?
67. Pernahkah Encik membuat liputan di luar negara?
68. Adakah ketika Encik Mahadi melakukan tugasannya berkenaan Encik Mahadi bergerak secara berkumpulan atau bersendirian?
69. Selain dari .. adakah Encik pernah membuat liputan di negara lain?
70. Pada pendapat Encik apakah cabaran utama sebagai seorang wartawan?
71. Adakah Encik pernah terlibat membuat liputan mengenai kes jenayah?

72. Adakah Encik pernah terlibat membuat liputan mengenai kes bencana alam?
73. Adakah Encik pernah terlibat membuat liputan mengenai kes kemalangan?
74. Apakah liputan lain yang pernah Encik terlibat?
75. Apakah antara kes-kes terbesar yang pernah Encik membuat liputan?
76. Apakah perasaan Encik apabila terlibat dengan kes-kes tersebut?
77. Apakah cabaran ketika Encik membuat liputan mengenai kes-kes tersebut?
78. Apakah kajian yang Encik jalankan semasa membuat liputan?
79. Apakah langkah yang diambil dalam menyelesaikan masalah yang Encik hadapi semasa membuat liputan?
80. Maksud Encik?
81. Adakah Encik pernah rasa berputus asa ketika menerima tugas di Selatan Thai?
82. Jadi bila Encik ada sesuatu masalah, Encik akan cuba sedaya upaya untuk selesiakannya?
83. Bolehkah Encik bertutur dalam bahasa Thailand, sebagai contoh?
84. Bolehkah kami tahu, adakah menjadi seorang wartawan ini perlu fasih dalam banyak bahasa?
85. Bolehkah Encik ringkaskan sedikit harapan dan cadangan bagi wartawan yang ingin menceburi bidang penyiaran?
86. Apakah kepentigan dalam setiap liputan yang Encik jalankan?
87. Apakah yang Encik lakukan sebelum Encik membuat liputan sesuatu kes?
88. Apakah perasaan Encik setelah menjayakan sesuatu liputan?
89. Apakah harapan Encik setelah menjayakan sesuatu liputan?

6.0 Pencapaian dalam bidang kewartawanan

90. Apakah pencapaian Encik selama berkidmat sebagai seorang wartawan?
91. Pernahkah Encik mendapat anugerah selama menjadi seorang wartawan?
92. Apakah anugerah tertinggi yang Encik miliki selama hari ini?
93. Apakah anugerah tersebut?
94. Bilakah Encik menerima anugerah tersebut?

95. Siapakah yang memberi anugerah tersebut?
96. Pernahkah Encik menghadiri mana-mana sidang akbar ahli-ahli politik semasa berkhidmat sebagai wartawan?
97. Pernahkah Encik menemubual ahli politik semasa berkhidmat sebagai wartawan?
98. Siapakan antara orang-orang kenamaan yang pernah menjadi tumpuan Encik semasa menjalankan liputan?
99. Pernahkah Encik di panggil untuk membuat liputan dalam kes-kes besar seperti bencana alam maupun kemalangan?

7.0 Sumbangan dalam bidang kewartawanan

100. Apakah sumbangan Encik selama berkidayat sebagai seorang wartawan?
101. Apakah sumbangan Encik secara langsung dalam bidang kewartawanan ini?
102. Pernahkah Encik terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam bidang kemanusiaan?
103. Pernahkah Encik menjadi penerbit untuk sesuatu berita?
104. Pernahkah Encik menulis sebarang artikel?
105. Dimanakah Encik mendapat idea dalam penulisan tersebut?
106. Berapakah lamakah tempoh masa yang diambil untuk menulis sesuatu bahan artikel (buku)?
107. Pernahkah Encik menerbitkan bahan pembacaan selain daripada artikel (buku)?
108. Pernahkah Encik membukukan semua bahan berita yang pernah Encik tulis?
109. Bolehkah Encik menyatakan secara ringkas bahan buku yang pernah menjadi bahan penulisan Encik?

8.0 Harapan dan tips

110. Apakah impian Encik terhadap pembangunan penyiaran bidang kewartawanan Encik dalam memajukan negara serta menaikkan nama dalam bidang kewartawanan ini?
111. Apakah harapan Encik terhadap sambutan masyarakat dalam menerima apa jua berita yang disampaikan?
112. Apakah pesanan Encik kepada bakal-bakal wartawan muda yang baru menceburি bidang ini?

TEMUBUAL LISAN BERSAMA NIK MAHADI NIK HASSAN

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan NIK MAHADI NIK HASSAN..... Pada 23 / 11 / 2015.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari 23 / 11 / 2015 (tarikh). Dipersetujui pada 23 / 11 / 2015 oleh kedua pihak yang berkenaan.

n / 11 / 2015

nn

(X).....
Pengisah (Tokoh)

23 / 11 / 2015

.....
Dr. Mohd Nasir Ismail,

Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti
Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
& Fakulti Undang-Undang
UiTM Cawangan Kelantan
Kampus Machang

GAMBAR



Gambar : Nik Mahadi Nik Hassan



Gambar : Sesi Temubual Wawancara

TEMUBUAL LISAN BERSAMA NIK MAHADI NIK HASSAN



Gambar : Penyampaian Cenderahati




Gambar : Penyampaian Cenderahati

TEMUBUAL LISAN BERSAMA NIK MAHADI NIK HASSAN



Gambar : Contoh Pemglibatan yang dirkamkan




Gambar : Antara buku hasil Nik Mahadi Nik Hassan

TEMUBUAL LISAN BERSAMA NIK MAHADI NIK HASSAN



Gambar : Antara buku hasil Nik Mahadi Nik Hassan

SIJIL PENGHARGAAN 1



Gambar 1: Sijil Anugerah Cemerlang

**Pejabat Timbalan Rektor
(Hal Ehwal Akademik)**

Deputy Rector Office
(Academic Affairs)

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan

Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia

Website : <http://www.kelantan.uitm.edu.my>

Tel : (09) 976 2266/976 2162 Faks : (09) 976 2156

Email : tpheakln@kelantan.uitm.edu.my



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Tarikh : 29 Oktober 2015
Surat Kami : 100-KK(HEA 30/7/2)

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan / Puan

PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

BIL	NAMA	NO. UiTM
1	HASRUL BAZLI BIN BAKAR	2014266862
2	MUHAMMAD HASNAN FITRI BIN MUHAMMAD HANAFI	2014475082

Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari **SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEP) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM245)**, bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan kursus yang mereka ikuti **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahiaskan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi saudara **HASRUL BAZLI BIN BAKAR** di talian **0145180539**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar,

NAJIBAH BINTI MOHAMED NAZIR
Penolong Pendaftar (Hal Ehwal Akademik)
b/p TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

INDEK

A

Al Jazira	43
ASTRO	45

B

Bangkok.....	47
Berita Harian.....	10, 27, 30, 31
Bola Sepak Piala Dunia.....	50
Buletin Nightline.....	39
Buletin Utama.....	35, 39, 45

D

Diploma Automotif.....	17
Diploma in Journalisme	10
Diploma Pengurusan Perniagaan	17
Dr. Withayu	45

I

Indonesia.....	4, 9, 10, 19, 22, 27, 29, 37, 40
Institut Agama Islam negeri.....	22
Institut Kemahiran Negara	53
International Magazine America Syarikat.....	49

J

Jabatan Penuntut Malaysia Indonesia	22
Jakarta	19, 22, 40
Journalist.....	10, 47
Juru Elektrik.....	17

K

Karang Kraf Negeri.....	31
Kelantan.....	2, 10, 17, 19, 22, 31, 32, 37, 38, 39, 61
Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna	39
<i>Kentucky Fried Chiken</i>	17
Ketua Pengarah Hospital Sungai Golok.....	45
Kolej Politek Mara.....	17
Kota Bharu.....	9, 10, 17, 19, 30, 31

M

Machang	17, 50
Majalah Tempo	37
Malaysia.....	4, 9, 10, 14, 17, 19, 22, 27, 30, 37, 39, 40, 45, 47, 49, 50, 52, 53
MCE.....	9, 13, 17, 19
Menteri Alam Sekitar.....	50

N

National Newspaper.....	19
<i>news paper language</i>	27

P

Pasir Mas	17, 19
Pegawai Perhubungan Awam	10, 19
Perbadanan Kemajuan Iktisad.....	10, 31, 61
Perdana Menteri.....	42, 49
Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia.....	22
<i>Political Story</i>	34
<i>Pre-Commerce</i>	19

R

Rantau Panjang	9, 17, 19, 27, 45
Richard Button.....	47

S

Selatan Thai	42, 43, 44, 45, 73
Sijil Tinggi Penilaian Malaysia.....	19
Singapore	19
Sungai Golok	42, 45

T

Taksin Sinawat.....	42
Tan Sri A. Samad Ismail.....	40
Television News Network.....	31, 32
temubual	2, 22, 43, 45, 47, 69
Tenaga Nasional	50
Thailand	19, 41, 42, 43, 45, 47, 73
The Most Sporting Journalist.....	39
Tun Dr. Mathathir	37
TV Al Hijrah.....	2, 4, 38, 39
TV3	4, 10, 31, 32, 33, 35, 37, 39, 41, 42, 43, 45, 69, 71

U

UiTM	2, 17, 37
UMK.....	10, 39
UMNO	22
UniSabah.....	37
UNITEN	17
Universitas Darma Agung Medan.....	9
Universiti KL.....	17
Universiti Setia Agung.....	29
Universiti Sumatera Utara.....	22
UPM.....	37
USM.....	37
Utusan Malaysia	10

W

Wancana	27
wartawan.....	4, 10, 19, 27, 29, 30, 31, 32, 33, 35, 37, 41, 42, 43, 45, 47, 49, 50, 52, 70, 71, 72, 73, 74, 75
WASPADA.....	9, 19, 37, 38, 52, 72
WATAN	10
Who is Who	10

Y

YS-ITM.....	9, 19
-------------	-------

Z

Zahid Hamidi	49
--------------------	----